
PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

HARI KHAMIS: 19 MARCH 2009

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 11 HINGGA 71)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HJ. AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI)

TARIKH : 19 MAC 2009 (KHAMIS)

SOALAN NO.: 11

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang (Sibuti) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

(a) adakah pihak Kerajaan sedar bahawa terdapat belia yang berpendidikan terlibat dalam salah laku jenayah seperti penipuan akibat daripada masalah pengangguran yang semakin serius di Malaysia; dan

(b) adakah terdapat kajian mengenai permasalahan ini.

JAWAPAN

(A)

1. KBS menyedari bahawa terdapat segelintir kecil belia yang terlibat dengan salah laku jenayah seperti penipuan akibat daripada masalah pengangguran walau bagaimanapun KBS tidak mempunyai data spesifik yang menunjukkan sama ada belia yang terlibat dengan perlakuan jenayah ini berpendidikan tinggi atau tidak.

(B)

2. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian ke atas belia berisiko di 42 kawasan hitam dan kelabu yang telah dikenalpasti mendapati sebanyak 41% daripada 503 responden belia yang mempunyai kelulusan Diploma/Ijazah pernah dipenjara kerana melakukan kesalahan jenayah seperti berjudi, mencuri, menyertai kumpulan haram atau kongsi gelap, lumba haram, vandalisme dan lain-lain sekurang-kurangnya sekali. Manakala di kalangan belia yang mempunyai kelulusan diperingkat Sarjana/PhD pula, keputusan kajian menunjukkan sebanyak 50% daripada 36 orang responden yang pernah dipenjara kerana melakukan perbuatan jenayah yang disebutkan di atas sekurang-kurangnya sekali.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 19 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rancangan untuk mengadakan rentikerja sementara untuk membantu pekerja yang dibuang kerja tanpa mendapat pampasan di bawah Seksyen 605 Akta Pekerja 1955.

PR-1221-L17095

JAWAPAN:

Tuan yang di-Pertua,

Mengikut Seksyen 60J, Akta Kerja 1955, pekerja yang ditakrifkan di bawah Jadual Pertama, layak dibayar faedah penamatan kerja termasuk mereka yang direntikerja sentara *(lay-off)*. Pegawai daripada Jabatan Tenaga Kerja sedang memantau semua tindakan pemberhentian pekerja dan mengadakan perbincangan dengan majikan untuk memastikan pekerja yang diberhentikan dibayar faedah penamatan kerja.

Semua pekerja yang terlibat dengan pemberhentian ini, layak juga untuk mengikuti Skim Latihan dan Penempatan Pekerja Yang Diberhentikan *(Train and Place)*. Skim ini menawarkan elaun sara diri antara RM500.00 – RM800.00 sebulan dan elaun dibayar

berdasarkan status (bujang/ berkahwin) dan bilangan tanggungan pekerja tersebut, serta dibayar selama dalam tempoh latihan. Tempoh latihan ini ditetapkan selama 3 hingga 6 bulan. Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan melalui Pakej Ransangan Ekonomi Pertama bagi tujuan latihan pekerja yang diberhentikan.

SOALAN NO: 13

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **Y.B. Puan Hajah Nancy Bte. Haji Shukri (Batang Sadong)**

Tarikh : **19 Mac 2009 (Khamis)**

Soalan : **Y.B. Puan Hajah Nancy Bte. Haji Shukri (Batang Sadong)** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Sejauh manakah kejayaan program usahawan asas tani setakat ini dan produk apakah yang menjana hasil untuk Malaysia secara konsisten

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Program Pembangunan Usahawan Asas Tani telah dimulakan pada tahun 2006 bertujuan untuk menambah nilai produk pertanian

menerusi aktiviti pemprosesan bagi mempelbagai dan meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan. Tumpuan diberikan kepada produk-produk seperti berikut:

a. Produk-produk berasaskan pertanian:
   i. Snek; cip ubi kayu, pisang, nangka, nanas
   ii. Sejuk beku; karipap, pau, martabak
   iii. Minuman; soya dan teh *chrysanthemum*
   iv. Jus buah-buahan tropika

b. Produk-produk berasaskan perikanan:
   i. Fish paste
   ii. Shrimp paste
   iii. Lain-lain sediaan ikan

c. Produk-produk berasaskan ternakan seperti:
   a. Pemprosesan dan pengawetan daging dan produk daging; Produk emulsi (naget, burger, bebola daging/ayam dan sosej); Produk ditinkan (kari ayam dan daging); dan Sate, serunding dan kebab
   b. Produk-produk tenusu; Ais krim, *yogurt,* keju, mentega dan susu cair

Sejak program ini dimulakan tahun 2006 sehingga 2008 sebanyak RM95.71 juta telah diperuntukkan untuk membangunkan usahawan industri asas tani di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Seramai lebih 11,000 usahawan telah berjaya dilahirkan dalam tempoh tersebut di seluruh negara termasuk luar bandar.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 19 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan rancangan untuk mengadakan rentikerja sementara untuk membantu pekerja yang dibuang kerja tanpa mendapat pampasan di bawah Seksyen 605 Akta Pekerja 1955.

PR-1221-L17095

JAWAPAN:

Tuan yang di-Pertua,

Mengikut Seksyen 60J, Akta Kerja 1955, pekerja yang ditakrifkan di bawah Jadual Pertama, layak dibayar faedah penamatan kerja termasuk mereka yang direntikerja sentara *(lay-off)*. Pegawai daripada Jabatan Tenaga Kerja sedang memantau semua tindakan pemberhentian pekerja dan mengadakan perbincangan dengan majikan untuk memastikan pekerja yang diberhentikan dibayar faedah penamatan kerja.

Semua pekerja yang terlibat dengan pemberhentian ini, layak juga untuk mengikuti Skim Latihan dan Penempatan Pekerja Yang Diberhentikan *(Train and Place)*. Skim ini menawarkan elaun sara diri antara RM500.00 – RM800.00 sebulan dan elaun dibayar

NS: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN 14

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Tuan Khalid bin Abdul Samad (Shah Alam)

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN : **YB Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengiktiraf Gerakan Pembebasan Hamas di Palestin serta kemenangannya dalam pilihan raya di wilayah yang ditakluki itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih di atas keprihatinan YB Shah Alam terhadap isu ini. Perlu ditegaskan bahawa Kerajaan Malaysia sememangnya mengiktiraf kemenangan Hamas sebagai parti yang dipilih secara demokratik oleh rakyat Palestin dan menguasai *Palestinian Legislative Council* dan sewajarnya dibenar untuk membentuk kerajaan.

2. Bagaimanapun perlu ditegaskan juga bahawa Presiden Mahmoud Abas sendiri adalah pemimpin yang dipilih sebagai Presiden secara berasingan oleh rakyat Palestin dan beliau telah mendapat mandat rakyat berasaskan *Presidential Election System* di wilayah Palestin walaupun beliau adalah dari puak parti Fatah.

3. Oleh itu tidak timbul soal pengiktirafan kerana sebaik sahaja Hamas memenangi Pilihanraya Legislatif, Perdana Menteri telah mengucapkan tahniah kepada Hamas dan bersedia menerima kunjungan dan kehadiran pemimpin Hamas Dr. Azam Tarmimi dan Khaled Meshal.

4. Perdana Menteri juga telah mengutus surat kepada Quartet (UN, USA, Russia dan EU) dan meminta Quartet mengiktiraf kemenangan demokratik Hamas dalam pilihanraya bebas tersebut.

5. Kita berpendirian bahawa Fatah dan Hamas haruslah menghapuskan jurang perbezaan politik di antara mereka dan memperkukuhkan perjuangan untuk menghadapi tekanan Israel dan berusaha gigih untuk membebaskan Palestin supaya ia menjadi suatu negara yang aman, bebas dan merdeka.

SOALAN NO. 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED
TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN

Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [Pulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berpuas hati dengan penggunaan pendapatan per kapita sebagai ukuran kemakmuran negara dan adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan kadar kesejahteraan rakyat *(Gross Happiness Index)* yang lazim digunakan masyarakat antarabangsa untuk melaporkan kemakmuran negara dan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendapatan per kapita tidak digunakan sebagai petunjuk yang sempurna bagi menggambarkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Justeru itu, seawal tahun 1999 lagi, Kerajaan telah membangunkan Indeks Kualiti Hidup Malaysia atau *Malaysian Quality of Life Index* (MQLI) untuk mengukur kualiti hidup rakyat di Malaysia.

Indeks ini mengukur 11 komponen kualiti hidup yang meliputi aspek ekonomi dan sosial, iaitu:

a. pendapatan dan pengagihan;

b. persekitaran kerja;

c. pengangkutan dan komunikasi;

d. kesihatan;

e. pendidikan;

f. perumahan;

g. alam sekitar;

h. kehidupan keluarga;

i. penyertaan sosial;

j. keselamatan awam; dan

k. kebudayaan dan liburan.

Sebanyak 42 petunjuk telah dipilih bagi mewakili 11 komponen indeks tersebut. Secara keseluruhan, pada tahun 2007 Indeks Kualiti Hidup Malaysia telah meningkat sebanyak 14.8 mata berbanding tahun 1990.

Oleh itu, Kerajaan tidak bercadang untuk membangunkan Indeks Kesejahteraan Rakyat atau *Gross National Happiness Index* (GNH) bagi mengukur tahap kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat, memandangkan komponen Indeks Kualiti Hidup Malaysia atau MQLI yang digunapakai adalah komprehensif. Di samping itu, pengukuran

kesejahteraan dan kebahagiaan Indeks Kesejahteraan Rakyat atau GNH adalah berdasarkan kepada kajian persepsi yang amat subjektif berbanding dengan MQLI yang berdasarkan petunjuk kuantitatif.

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

TARIKH: 19 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [Tumpat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan Kerajaan dalam menangani masalah kadar pengangguran yang dijangka meningkat dalam situasi ekonomi yang tidak menentu sekarang.

PR-1221-L17651

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti yang dijangkakan, kadar pengangguran akan meningkat kesan daripada kemelesetan ekonomi. Untuk menangani masalah ini, pihak kerajaan sedang melaksanakan beberapa pelan tindakan menerusi langkah-langkah seperti berikut:

a) Menubuhkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri bertujuan untuk membincangkan dan menentukan tindakan bagi menangani masalah peningkatan kadar pengangguran dan pemberhentian kerja.

b) Sebanyak 80 Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja telah diwujudkan di seluruh negara untuk tujuan seperti berikut;

i) mendapatkan maklumat terkini mengenai kekosongan jawatan;

ii) memantau *trend* pemberhentian dan pengangguran pekerja;

iii) membantu pekerja diberhentikan mendapatkan pekerjaan baru *(job-placement)*; dan

iv) mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara *(lay-off)* dan pengurangan gaji.

c) Melaksanakan program latihan semula dan penempatan *(train & place)* bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan (termasuk belia dan siswazah menganggur) untuk membolehkan mereka memperolehi kemahiran baru yang diperlukan oleh pasaran pekerjaan semasa. Pekerja-pekerja yang diberhentikan perlu berdaftar dengan *JobsMalaysia* sebelum diberi latihan dan seterusnya dibuat penempatan. Untuk program ini Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta secara keseluruhan untuk semua negeri . Siswazah menganggur yang mengikuti program ini akan diberi elaun sara diri RM500 sebulan manakala belia diberi RM300 sebulan.

d) Bagi pekerja yang terlibat dengan pemberhentian sentara *(temporary lay-off)*, mereka diberi latihan dalam bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri. Melalui program ini, Kerajaan berharap kos operasi majikan dapat dikurangkan dan pekerja dapat bekerja semula dengan majikan asal selepas tamat tempoh latihan.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi membantu meringankan beban pekerja yang diberhentikan, Kementerian saya sedang berkerjasama dengan agensi-agensi yang lain supaya mereka yang jatuh di bawah Garis Kemiskinan akibat pemberhentian kerja diberi bantuan ehsan.

Di samping itu, Kerajaan telah memutuskan supaya pengambilan pekerja asing di sektor pembuatan terutama di sektor elektrik dan eletronik, tekstil dan pakaian serta sektor perkhidmatan dibekukan. Kadar bayaran levi bagi semua pekerja asing kecuali bagi sektor perladangan, pembinaan dan pembantu rumah dinaikkan dua kali ganda dan levi pekerja asing dibayar oleh majikan. Sebagai galakan kepada majikan, Kerajaan telah membuat keputusan supaya baki levi pekerja asing akan dikembalikan kepada majikan, manakala sebagai insentif kepada majikan, jaminan bank akan dipulangkan secepat mungkin.

SOALAN NO: 17

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang]**

TARIKH : **19 Mac 2009**

SOALAN : **Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Bagaimana Kementerian akan mengukur impak ke atas penekanan semula Kerajaan dalam sektor pertanian terutamanya dari segi hasil dan kesannya di kalangan masyarakat tani di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi mengukur impak sektor pertanian termasuk kesannya kepada masyarakat luar bandar,Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menggunakan beberapa indikator seperti berikut:-

i. Status pengeluaran komoditi bahan makanan;
ii. Status pendapatan petani;
iii. Status eksport bahan makanan; dan
iv. Status sumbangan nilai ditambah kepada KDNK

Bagi tahun 2008, pada keseluruhannya keempat-empat indikator ini telah menunjukkan pertumbuhan yang baik.

Status pengeluaran komoditi bahan makanan

Subsektor tanaman yang meliputi pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan menunjukkan peningkatan kadar pertumbuhan sebanyak 12.4% iaitu daripada 2.97 ribu tan metrik pada tahun 2007 kepada 3.09 ribu tan metrik pada tahun 2008. Sub sektor perikanan dan ternakan juga turut mencatat peningkatan yang baik iaitu masing-masing sebanyak 5.0% iaitu daripada 1.65 ribu tan metrik pada tahun 2007 kepada 1.73 ribu tan metrik pada tahun 2008 manakala subsektor ternakan pula mencatat peningkatan sebanyak 4.88 peratus iaitu daripada 1.88 ribu tan metrik pada tahun 2007 kepada 1.97 ribu tan metrik pada tahun 2008.

Status pendapatan petani

Pendapatan purata tahunan isi rumah bagi pesawah padi, menunjukkan peningkatan iaitu RM1,217 sebulan pada tahun 2004 kepada RM1,554 sebulan pada tahun 2007 iaitu peningkatan sebanyak 27.5%. Bagi petani yang menanam sayur-sayuran juga menunjukkan peningkatan pendapatan purata iaitu daripada RM1,832 sebulan pada tahun 2004 kepada RM2,153 sebulan pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 17.5%. Pendapatan purata penternak ayam menunjukkan peningkatan signifikan iaitu sebanyak 93.6% iaitu daripada RM2,529 pada tahun 2004 kepada

RM4,897 pada tahun 2007. Bagi pendapatan purata nelayan pula, ia turut menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 50.2% iaitu sebanyak RM1,374 pada tahun 2004 kepada RM2,064 pada tahun 2007.

Status perdagangan bahan makanan

Pada tahun 2008, nilai eksport bahan makanan telah meningkat sebanyak 29.2% iaitu peningkatan dari RM13.76 bilion pada tahun 2007 kepada RM17.77 bilion pada tahun 2008.Komoditi utama yang menyumbang kepada eksport bahan makanan negara ialah bahan makanan lain yang terdiri daripada bahan makanan yang diproses dan kumpulan komoditi ikan, krustasia, moluska dan sediaan.

Status sumbangan nilai ditambah kepada KDNK

Sumbangan nilai ditambah kepada KDNK bagi sektor pertanian bertumbuh bagi tahun 2008 meningkat sebanyak 4.6% berbanding tahun 2007 dengan jumlah nilai ditambah sebanyak RM16.47 bilion.

Berdasarkan kemajuan dan tren yang baik ini, dijangkakan sektor pertanian mampu mencapai sasaran yang ditetapkan.

SOALAN NO: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]**
TARIKH	:	**19 MAC 2009**
RUJUKAN	:	**1673**

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan alasan mengapa Kerajaan masih membenarkan pekerja asing di Malaysia sementara kebanyakan rakyat Malaysia tidak berpekerjaan dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan atau memberhentikan pengambilan pekerja asing.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 19.3.2009

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Selayang di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan drastik dengan membekukan kemasukan pekerja asing memandangkan terdapat sektor-sektor yang masih memerlukan tenaga kerja seperti sektor perladangan, pertanian dan pembinaan. Ini kerana bilangan pekerja tempatan yang berminat untuk bekerja dalam sektor-sektor tersebut adalah kecil sedangkan kebanyakan majikan memerlukan pekerja dalam jumlah yang besar untuk melancarkan operasi mereka. Dalam situasi sekarang, Kerajaan perlu bersikap adil dan mengambil kira keperluan sektor-sektor industri yang juga berperanan sebagai pemangkin dalam menangani kemelesetan ekonomi sekarang ini.

Dalam masa yang sama, Kerajaan telah bertindak membekukan kemasukan pekerja asing untuk aktiviti-aktiviti perkilangan berkaitan elektrik/elektronik dan tekstil di samping beberapa subsektor di dalam sektor perkhidmatan. Pembekuan ini dijangka dapat membantu warga tempatan untuk mengisi peluang pekerjaan sedia ada di dalam kedua-dua sektor berkenaan. Kerajaan juga telah mengarahkan majikan agar memberikan keutamaan pekerjaan kepada warga tempatan dan menghantar pekerja-pekerja asing mereka yang diberhentikan untuk pulang ke negara asal. Ini sekali gus akan membantu Kerajaan mencapai matlamat untuk mengurangkan pergantungan sektor industri terhadap pekerja asing di negara ini.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)**
TARIKH	:	**19 MAC 2009 (KHAMIS)**
NO. SOALAN	:	**19**

Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan langkah-langkah bagi menjaga serta memelihara warisan dan khazanah negara daripada pupus.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005, antara tanggungjawab Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia melalui Jabatan Warisan Negara adalah termasuk:

i. **Mewujudkan Daftar Warisan Kebangsaan yang mengandungi tapak, objek dan warisan kebudayaan bawah air sebagai Warisan;**

   Sebagai contohnya: Bangunan Sultan Abdul Samad di Kuala Lumpur dan Bangunan Dewan Perhimpunan Cina Selangor.

ii. **Mengawasi serta menyelia pemuliharaan dan pemeliharaan;**

Sebagai contohnya: Konservasi Bangunan Muzium Perak; Bangunan Sanitary Board di Taiping, Perak ; dan Bangunan St. George Church di Pulau Pinang.

iii. Memantau dan mengawasi eskavasi, menyelidik dan mendokumenkan semua yang telah diiktiraf sebagai Warisan Kebangsaan;

Sebagai contohnya: Eskavasi arkeologi seperti di Lembah Lenggong dan Sabah Timur; dan membuat kerja-kerja dokumentasi dan dokumentari seperti Mak Yong.

iv. Bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Negeri berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan dan lain-lain.

Menyentuh mengenai pengekalan bangunan warisan, pada tahun 2008 sahaja, kerja-kerja konservasi telah

dijalankan terhadap 55 buah bangunan merangkumi rumah-rumah ibadat (semua agama), rumah-rumah tradisional dan bangunan Kerajaan manakala sejumlah 46 tapak telah diselenggarakan.

Jabatan Warisan Negara juga telah mengambil inisiatif dengan mengadakan beberapa program kesedaran seperti Program Jejak Warisan dan penubuhan Kelab Warisan di sekolah-sekolah serta mengadakan program promosi bagi mengetengahkan semula warisan-warisan yang hampir dilupakan seperti permainan tradisional dan Sajian Warisan.

Selain daripada itu, pihak Kementerian tutur menitikberatkan aktiviti penggalakan seperti pertandingan, pementasan dan manifestasi seni yang hampir pupus. Lanjutan daripada usaha berterusan ini Malaysia telah mendapat pengiktirafan dunia dengan

Pengisytiharan Bandaraya Bersejarah Melaka dan George Town sebagai tapak Warisan Dunia.

Pihak Kementerian tidak terkecuali dalam menggalakkan penurunan dan pengembangan ilmu warisan ini dengan memberikan pengiktirafan kepada warisan orang hidup untuk menurunkan ilmu kepada golongan muda; mengadakan skim-skim penggalakan seperti Skim Perantisan Kraf Warisan dan Skim Adiguru Kraf yang dikendalikan oleh Kraftangan Malaysia dan lain-lain lagi.

Kita percaya bahawa dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian, Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, maka khazanah warisan negara akan terus terpelihara untuk diwarisi oleh generasi yang akan datang.

SOALAN :~~25~~ 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Datuk Chua Soon Bui [Tawau]**
TARIKH	:	**19 Mac 2009 (Khamis)**
SOALAN	:	**25**

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a)Adakah Kementerian Pengangkutan bercadang menyemak semula Dasar Kabotaj (Cabotage Policy) bagi Sabah memandangkan harga-harga bahan perlu untuk sektor pembinaan dan perkilangan di Sabah adalah 20-30% lebih tinggi; dan

(b)Pernahkah Kementerian Pengangkutan menjalankan sebarang tinjauan Dasar Kabotaj (Cabotage Policy) serta implikasinya terhadap kesulitan yang dialami oleh sektor perkilangan di Sabah.

JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Dipertua,

Dasar Kabotaj merupakan satu dasar yang diamalkan oleh banyak negara maritim lain di dunia termasuk negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat. Beberapa negara menguatkuasakan sepenuhnya pelaksanaan dasar ini di mana kapal-kapal asing tidak dibenarkan langsung beroperasi di perairan domestik negara berkenaan.

Di Malaysia, Dasar Kabotaj telah mula dikuatkuasakan pada tahun 1980 bertujuan untuk membangunkan pemilikan dan perkembangan syarikat perkapalan tempatan. Ia juga bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada kapal-kapal asing dan mengurangkan aliran keluar wang negara. Dasar ini juga berfungsi sebagai satu platform sebelum syarikat-syarikat tempatan meneroka dan menceburi pasaran antarabangsa.

Namun Dasar Kabotaj yang diamalkan di Malaysia adalah agak liberal. Dasar ini juga tidak menyekat mana-mana kapal asing untuk beroperasi secara terus daripada pelabuhan asing ke/dari mana-mana pelabuhan di Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak. Ini bermakna, kapal daripada pelabuhan asing seperti Singapura dan Hong Kong bebas untuk mengadakan perkhidmatan secara terus ke/dari pelabuhan-pelabuhan di Malaysia seperti Pelabuhan Sepanggar, Pelabuhan Bintulu dan sebagainya.

Dalam pada itu, pelaksanaan Dasar yang agak liberal ini turut membenarkan kapal-kapal asing untuk beroperasi di sektor domestik melalui satu mekanisme pengecualian dan dengan memiliki lesen perkapalan dalam negeri sekiranya terbukti kapal-kapal Malaysia tidak mampu untuk memenuhi permintaan kerja yang ditawarkan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, harga fret yang tinggi adalah disebabkan juga oleh corak perdagangan yang tidak seimbang (trade imbalance) di antara Semenanjung Malaysia dengan Malaysia Timur di mana terdapat kekurangan 'backhaul cargo' (dengan izin) dari Malaysia Timur ke Semenanjung Malaysia. Fenomena ini adalah normal dan ia turut wujud di mana-mana sektor dan laluan yang mengalami corak perdagangan yang tidak seimbang seperti di sektor Eropah dengan Timur Jauh.

Justeru, harga barangan yang tinggi di Malaysia Timur tidak wajar dikaitkan dengan Dasar Kabotaj semata-mata tanpa merujuk juga kepada kos pengangkutan secara keseluruhan termasuk kos logistik di darat dan kos pelabuhan termasuk surcaj-surcaj yang tinggi di Sabah dan Sarawak di antara lainnya. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, menurut kajian oleh Persatuan Pemilik-Pemilik Kapal Malaysia (MASA), kos perkapalan hanyalah merupakan 46% daripada jumlah keseluruhan kos pengangkutan yang terlibat.

Berdasarkan daripada kajian Kementerian Pengangkutan dan juga agensi maritim terbabit, Dasar Kabotaj telah berjaya menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat Malaysia menceburi bidang perkapalan dengan berlaku peningkatan pemilikan kapal-kapal oleh syarikat-syarikat terbabit. Ini terbukti di mana pada tahun 1984, terdapat sebanyak 622 buah kapal dengan berat tanan berjumlah 1.3 juta tan dan kini jumlah tersebut telah meningkat kepada 4,291 buah kapal dengan jumlah berat tanan melebihi 9.9 juta tan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, lebih daripada 3,400 buah kapal Malaysia terlibat di dalam dagangan domestik. Penglibatan kapal-kapal ini memberikan peluang pekerjaan kepada lebih daripada 15,000 anak-anak tempatan termasuk dari Sabah dan Sarawak. Industri sokongan lain seperti pembinaan dan pembaikan kapal yang banyak terdapat di Sabah dan Sarawak juga turut menyediakan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Selain daripada itu, Dasar ini juga membolehkan syarikat seperti MISC Berhad beroperasi sehingga ke peringkat antarabangsa dan kini beberapa syarikat lain seperti Shin Yang Shipping, Hub Line dan beberapa lagi juga telah mula terlibat di dalam sektor perkapalan serantau dan antarabangsa.

Pada masa ini, Kementerian Pengangkutan sedang meneliti semula aspek-aspek pelaksanaan dasar ini dan pertimbangan yang dibuat turut mengambil kira kepentingan semua pihak yang terbabit.

NO. SOALAN: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN ISMAIL
TARIKH : 19 Mac 2009

SOALAN:

Y.B. Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana pencapaian kemajuan dan pelaksanaan pembangunan di kawasan-kawasan koridor pembangunan ekonomi wilayah-wilayah, selatan, utara, pantai timur dan juga Sabah dan Sarawak, sejak dilancarkan dua tahun dahulu. Apakah terdapat sebarang masalah dan halangan yang boleh menjejaskan rancangan pembangunan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan program dan projek bagi semua koridor telah pun dimulakan perancangannya sejak Ogos 2008 setelah peruntukan kepadanya diluluskan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-9 pada Julai 2008. Setakat ini, sejumlah 103 program/projek atau 46.0% daripada keseluruhan 224 program/projek pembangunan yang disenaraikan di bawah koridor telah mula dilaksanakan. Kebanyakan program/projek melibatkan kerja-kerja

awalan seperti kajian, reka bentuk, penilaian impak alam sekitar (EIA), kajian tanah dan penyediaan tapak. Dari segi bilangan projek-projek yang telah dimulakan mengikut koridor, Iskandar Malaysia mencatatkan pelaksanaan sebanyak 100% (14 projek), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sebanyak 42.5% (17 daripada 40 projek) , Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sebanyak 44.9% (48 daripada 107 projek), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) sebanyak 27.7% (15 daripada 54 projek) dan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) sebanyak 100% (9 projek).

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, pelaksanaan program dan projek koridor berjalan lancar dan mengikut jadual. Setakat ini, tidak wujud apa-apa halangan besar dalam pelaksanaan program dan projek di setiap koridor berkenaan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu semasa yang mungkin boleh menjejaskan pencapaian matlamat pembangunan koridor-koridor ini. Sebagai contoh, keadaan krisis kewangan semasa, sedikit sebanyak telah menyebabkan berlakunya kelembapan pelaburan swasta (asing dan tempatan)di koridor pertumbuhan. Tetapi perkara ini sedang diatasi oleh Pihak Berkuasa Koridor yang berkenaan dengan melaksanakan usaha-usaha proaktif seperti aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran yang lebih gigih serta menawarkan persekitaran yang kondusif dan insentif khusus untuk menarik lebih banyak pelaburan swasta.

Selain itu, bagi koridor Sabah dan Sarawak pula, kelewatan beroperasi Pihak Berkuasa Koridor (PBK) Sabah dan Sarawak iaitu SEDIA

dan RECODA, juga menyebabkan perancangan dan pelaksanaan program/projek SDC dan SCORE tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Walaupun SDC dan RECODA telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing, tetapi ianya masih belum beroperasi kerana belum digazet serta pegawainya belum dilantik. Oleh itu, pada pandangan Kerajaan Persekutuan, perkara penubuhan SEDIA dan RECODA ini perlu diatasi segera oleh pihak Kerajaan Negeri supaya kedua-dua koridor tersebut dapat beroperasi sepenuhnya untuk melaksanakan program/projek pembangunan SDC dan SCORE mengikut jadual.

Walau bagaimanapun, Kerajaan percaya isu-isu ini bukanlah halangan besar yang boleh menjejaskan perancangan pembangunan SDC dan SCORE. Setakat ini pun, kedua-dua Kerajaan Negeri, melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah dan Unit Perancang Negeri (UPN) Sarawak, yang bertindak sebagai penyelaras sementara kepada pelaksanaan semua program dan projek SDC dan SCORE, terus memberi perhatian khusus dan komited untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek SDC dan SCORE yang telah dimulakan bagi memastikan faedah daripada pelaksanaannya boleh diterima terus oleh rakyat Sabah dan Sarawak.

Soalan No : 22

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN (SEPANGGAR)**
TARIKH	:	**19.03.2009**

SOALAN:

Y.B. DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah peruntukan yang dibelanjakan dalam RMK-8 dan RMK-9 untuk pembinaan dan penyelenggaraan Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Kebangsaan Mubaligh (Mission School) di seluruh negara. Berapakah jumlah yang telah diperuntukkan bagi SJKC dan SK Mubaligh di negeri Sabah dan Sarawak dalam 5 tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah yang telah diperuntukkan bagi SJKC dan Sekolah Mubaligh di negeri Sabah dan Sarawak bagi kedua-dua kategori iaitu Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan dalam 5 tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2004 hingga 2008 ialah **RM849,613,306** bagi negeri Sarawak dan **RM521,205,816** bagi negeri Sabah.

NO. SOALAN: 23

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOPALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
[PADANG SERAI]

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Gobalakrishan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapa Majlis Tanah Negara bertindak di luar bidang kuasanya dalam hal penentuan tempoh pegangan hakmilik tanah yang adalah hak negeri mengikut perlembagaan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan, dasar-dasar yang dibentuk oleh Majlis Tanah Negara (MTN) hendaklah dipatuhi oleh semua Kerajaan Negeri. Mesyuarat MTN ke-53 bertarikh 25 April 1997 telah membuat keputusan bahawa tempoh pegangan hakmilik tanah bagi kampung-

kampung baru adalah sekurang-kurangnya pajakan 60 tahun tetapi tidak melebihi 99 tahun.

Oleh yang demikian, Majlis Tanah Negara tidak pernah bertindak di luar bidang kuasanya.

Sekian, terima kasih.

No: 24

SOALAN 24

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Tuan Haji Ahmad ~~bin~~ Kasim (Kuala Kedah)

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN : **YB Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil ke atas usul mengutuk kekejaman rejim Israel terhadap rakyat Palestin di Genting Gaza yang telah diluluskan oleh Persidangan Khas Parlimen baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya dengan izin ingin menjawab secara serentak soalan-soalan yang diajukan oleh YB Kuala Krai pada 10 Mac 2009 dan YB Kuala Kedah pada 19 Mac 2009.

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sejajar dengan penerimaan Usul yang telah dibahaskan oleh Dewan Yang Mulia ini pada 12 Januari 2009 yang lalu, langkah-langkah bersepadu telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu rakyat Palestin di Gaza adalah seperti berikut;

(i) mengutus surat kepada Presiden Perhimpunan Agung PBB supaya menyambung Mesyuarat Ke-32 Sesi Tergempar Khas Perhimpunan Agung PBB (UNGA) Ke-10. Mesyuarat tersebut telah diadakan pada 15 dan 16 Januari 2009 berikutan kegagalan perlaksanaan Resolusi Majlis Keselamatan PBB 1860(2009);

(ii) mengutus surat surat kepada pemimpin-pemimpin negara-negara OIC, NAM, pemimpin-pemimpin negara Ahli Tetap Majlis Keselamatan PBB dan tokoh-tokoh ternama dunia supaya bertindak untuk menghentikan serangan Israel di Gaza dan mendesak PBB mengadakan mesyuarat Sesi Sesi Tergempar Khas Perhimpunan Agung PBB (UNGA) Ke-10;

(iii) Kerajaan telah mengeluarkan sumbangan sebanyak USD1 juta melalui MERCY Malaysia untuk disalurkan kepada rakyat Palestin di ~~Gaza~~;

(iv) Kerajaan telah mengaktifkan ~~kembali~~ Tabung Amanah Kemanusiaan Rakyat ~~Palestin dan dilancarkan~~ pada 8 Januari 2009 lalu untuk ~~mengutip~~ sumbangan daripada orang ramai. Kutipan ke Tabung tersebut telah dihebahkan di media-media massa tempatan;

(v) memberi kerjasama dengan badan-badan NGO-NGO di Malaysia yang berkhidmat di Gaza untuk membantu rakyat Palestin termasuk menganjurkan *road show* bersama NGO Malaysia di dalam dan di luar negeri bagi menggerakkan kempen menjenayahkan perang di negara-negara yang dikenal pasti;

(vi) Menyertai persidangan-persidangan dan mesyuarat-mesyuarat antarabangsa mengenai isu Palestin dan bantuan untuk pembangunan semula Gaza; dan

(vii) Berusaha untuk mencari jalan bagaimana tindakan kejam Israel itu boleh dihadapkan ke Tribunal Jenayah Antarabangsa.

Soalan No: 25

SIDANG DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,

PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

Daripada : YB DATO' SERI DR. JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD JARJIS [ROMPIN]

Tarikh : 19 Mac 2009

Soalan : 25

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan kembali Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam : Sains Islam Mendahului Zaman, terutamanya dengan kejayaan pameran yang lalu di mana mendapat sambutan 300,000 pengunjung. Pameran tersebut bukan sahaja dapat membuka minda masyarakat akan Kemajuan Sains Dalam Tamadun Islam malah dapat memberangsangkan minat golongan muda untuk menerajui bidang Sains dan Matematik.

JAWAPAN :

_Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MOSTI mengakui kejayaan melalui Pameran Kegemilangan Sains dalam Tamadun Islam. Bagi meneruskan

kesinambungan program ini beberapa program susulan dijalankan bagi memastikan impak serta momentum positif yang dicapai melalui program ini berterusan. Ketika ini, MOSTI meneruskan program ini dalam skala yang kecil dan menjurus kepada kumpulan sasar di kawasan-kawasan tertentu. Bagi perancangan masa depan, MOSTI memang merancang untuk menganjurkan pameran yang mempunyai skop yang lebih luas dan turut memperkenalkan pembangunan sains dalam tamadun lain seperti India, China dan negara-negara yang lain di Asia. MOSTI akan mengadakan perbincangan dengan semua pihak yang telah menjayakan pameran tersebut supaya pameran yang akan datang mencapai pengisian yang mantap. Dengan perluasan skop pameran kepada tamadun-tamadun lain di dunia akan dapat memberi satu pendedahan bagaimana evolusi tamadun manusia berubah mengikut zaman serta kedaan ketika itu dan bagaimana peranan sains, teknologi dan inovasi mengubah taraf kehidupan sesebuah bangsa.

Dalam masa yang sama MOSTI melalui Pusat Sains Negara (PSN) misalnya masih meneruskan pameran *'outreach'* yang mempamerkan kejayaan dan kegemilangan Tamadun Sains Islam dan sudah mula mengumpulkan bahan untuk memperkenalkan pencapaian sains didalam tamadun-tamadun lain yang terkenal didunia ini. PSN juga telah mewujudkan Galeri Islam dan Sains sebagai sebahagian dari kandungan pameran di Galeri Pusat Sains Cawangan Wilayah Utara, Kedah dan sedang dalam proses menaiktaraf kandungan pameran untuk program *'outreach'* yang akan dibawa bersama semasa program *'outreach'* PSN dan MOSTI.

MOSTI melalui Akedemi Sains Malaysia (ASM) pula meneruskan aktiviti memperkenalkan para ilmuan islam serta saintis moden kepada umum khususnya melalui majalah sisipan bulanan MOSTI 'estidotmy' dimana pada setiap keluaran ada ruangan tetap **Saintis Islam dan Saintis dunia serta saintis tempatan**. Melalui ruangan ini MOSTI telah memperkenalkan tidak kurang 3 tokoh sains pada setiap keluaran semenjak tahun 2003 untuk diperkenalkan kepada generasi muda Malaysia agar dapat dijadikan 'role model' dan semangat untuk generasi muda maju didalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

Bagi program diperingkat akademik pula MOSTI bersama UTM sedang menyusun program dibawah Kerusi Prof Dr Fuat Sezgin. Program utama adalah untuk menterjemahkan buku-buku dari bahasa arab ke bahasa inggeris dan membina pangkalan data di UTM mengenai semua pencapaian serta sejarah para ilmuan islam yang terdapat didalam simpanan Prof Fuat Sezgin di Germany. Bahan ini akan disebarkan kepada generasi muda agar dapat menghayati pencapaian ilmuan sains islam, menjadi 'role model' kepada generasi muda dan mempelajari bagaimana melalui penguasaan sains telah menaikkan tamadun islam pada ketika itu. Ini diharap dapat membangkitkan minat serta iltizam generasi muda meneroka bidang sains, teknologi dan inovasi.

Dalam masa yang sama juga melalui ASM, Program Nobel Laureate Kebangsaan dijalankan dimana dari masa kesemasa MOSTI/ASM menjemput pemenang Hadiah Nobel untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk saintis serta generasi muda di Malaysia. Pada ketika ini sudah diwujudkan hubungan kerjasama antara ASM dan Yayasan Nobel dimana pada setiap tahun Malaysia dijemput untuk menghadiri

persidangan tahunan serta Majlis Penganugerahan Hadiah Nobel untuk generasi muda. Tradisi ini telah bermula semenjak tahun 1999 lagi dan hubungan kerjasama ini semakin aktif bagi kedua-dua pihak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Malaysia sedang ~~mengambil beberapa tindakan yang~~ bersesuaian di bawah panji-panji PBB ~~untuk mengheret Israel~~ ke Tribunal Jenayah Antarabangsa. Ini adalah sejajar dengan ketetapan Parlimen Malaysia semasa perbahasan 'Mengecam Pencerobohan Israel KE Atas Wilayah Palestin di Gaza' pada 12 Januari 2009 lalu. Buat masa ini Malaysia sedang mengadakan konsultasi dengan negara-negara yang bersependapat dengan Malaysia di PBB termasuk juga negara-negara ahli Majlis Keselamatan PBB supaya satu Tribunal Jenayah Antarabangsa mengenai kekejaman Israel ke atas Palestin dapat diwujudkan.

SOALAN NO. 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
KAWASAN	:	**LEMBAH PANTAI**
TARIKH	:	**19.03.2009 (KHAMIS)**

Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-

(a) **hasil gajian perunding bebas yang dilantik oleh Kementerian untuk menilai pencapaian syarikat-syarikat yang memiliki Permit Import (AP); dan**

(b) **bila Dasar Automotif Negara akan dikaji semula.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MITI telah melaksanakan audit ke atas semua syarikat pemegang AP. Pelaksanaan audit ini bertujuan memperolehi maklumat mengenai kemampuan syarikat

pemegang AP dari segi kewangan dan pengurusan syarikat. Hasil audit telah digunakan sebagai asas untuk MITI menentukan bilangan peruntukan AP Terbuka bagi tahun 2009 kepada syarikat-syarikat pemegang AP serta bagi merangka pelan pembangunan Bumiputera dalam sektor automotif tempatan.

Melalui laporan audit tersebut juga, MITI mendapati lima syarikat telah berjaya mempelbagaikan aktiviti dalam sektor automotif yang lain seperti pemasangan kereta dan motosikal secara *completely knocked-down* (CKD), dengan izin, aktiviti pemasangan dan bina semula kenderaan perdagangan terpakai dan pengeluaran minyak pelincir.

Selain itu, kebanyakan pemegang-pemegang AP Terbuka juga turut menjadi wakil pengedar kenderaan-kenderaan baru jenama HONDA, Toyota, BMW, Mercedes Benz, Proton dan Perodua.

Tuan Yang Di Pertua,

Ingin dimaklumkan bahawa kajian Dasar Automotif Nasional adalah di peringkat akhir dan dijangka dibentangkan kepada Kerajaan pada pertengahan tahun ini.

****

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN [27]

DARIPADA : YB ~~Datuk Juslie bin Ajirol~~ (Libaran)

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN : **Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Malaysia akan mengesyorkan satu Tribunal Antarabangsa kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menghukum mereka yang bertanggungjawab melancarkan operasi ketenteraan ke atas rakyat Palestin seperti mana yang pernah dilaksanakan ketika perang saudara di negara Balkan seperti Bosnia Herzegovina.

NO SOALAN : 28

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA)**
TARIKH	**:**	**19 MAC 2009 (KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil terhadap Pengurusan Kem Khidmat Negara di seluruh negara demi keselamatan dan kesihatan peserta-peserta. Sila nyatakan jumlah peserta yang cedera, cedera parah dan maut sejak pelaksanaan rancangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa mengambil berat terhadap kesihatan dan keselamatan pelatih-pelatih semasa menjalani latihan di kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Di antara kemudahan dan tindakan yang telah diambil bagi menjamin keselamatan pelatih adalah seperti berikut:

Kesihatan

Bagi memastikan pelatih-pelatih PLKN mendapat rawatan yang sempurna, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah menempatkan sepenuh masa tiga (3) orang Pembantu Perubatan dan dua (2) orang Jururawat Terlatih di samping dua (2) anggota paramedik daripada Bahagian Perkhidmatan Kesihatan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di klinik kesihatan setiap kem PLKN dengan kemudahan peralatan perubatan dan ubat-ubatan yang mencukupi.

Keselamatan Elemen Latihan

Memastikan supaya semua kem PLKN telah menerima sijil selamat menduduki dan selamat guna daripada Jurutera

Perunding Bertauliah yang dilantik oleh Pengusaha Kem. JLKN juga telah melantik Institut Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan (NIOSH) untuk memeriksa dan memastikan bahawa semua elemen latihan yang terdapat di kem-kem PLKN adalah selamat digunakan walaupun telah menerima sijil selamat guna daripada Jurutera Perunding Bertauliah yang dilantik oleh Pengusaha Kem.

Keselamatan Fizikal

Pengusaha Kem dikehendaki menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan bagi mengawal laluan keluar masuk dan keselamatan di kem PLKN. Di samping itu, seorang anggota polis juga telah ditempatkan sepenuh masa di setiap kem PLKN bagi mengawal dan mengambil tindakan segera terhadap kejadian-kejadian yang tidak diingini sekiranya berlaku.

Perlindungan Insuran Oleh Pengusaha Kem

Mewajibkan semua Pengusaha Kem mengambil insuran bagi melindungi pengguna-pengguna dan kakitangan kem PLKN.

Perlindungan Insuran Pelatih

Menyediakan perlindungan insuran untuk semua pelatih PLKN berkuatkuasa mulai tiga hari sebelum latihan, sepanjang latihan dan tiga hari selepas pelatih-pelatih menamatkan latihan.

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak program ini dilaksanakan pada tahun 2004, seramai 11 orang pelatih telah meninggal dunia sewaktu menjalani Latihan di Kem PLKN. Dari jumlah tersebut, seramai 7 orang pelatih meninggal dunia disebabkan masalah kesihatan dan 4 orang pelatih meninggal dunia disebabkan kemalangan. Daripada jumlah tersebut, 6 orang adalah pelatih lelaki manakala bakinya 5 orang adalah pelatih perempuan.

Manakala jumlah kecederaan pelatih adalah seramai 284 orang. Kebanyakan kecederaan adalah terseliuh kaki / tangan dan sebahagian kecil yang mengalami retak tulang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesemua pelatih ini dilindungi oleh insurans kelompok yang dibiayai oleh JLKN.

SOALAN NO: 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN)**
PERTANYAAN	:	**MULUT**
TARIKH	:	**19.3.2009**

Datuk Bung Moktar Bin Radin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang langkah positif Kerajaan dalam memastikan krisis ekonomi global tidak menghambat pembangunan-pembangunan prasarana daerah luar bandar, khususnya daerah Kinabatangan.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman yang Berhormat, Kerajaan yakin Bajet asal 2009 yang memperuntukkan sejumlah RM206 bilion serta Pakej Rangsangan Pertama dan Pakej Rangsangan Kedua masing-masing sebanyak RM7 bilion dan RM60 bilion dapat membantu serta mengelakkan ekonomi negara kita daripada mengalami kemelesetan yang amat serius. Usaha serta langkah positif Kerajaan bertujuan memberi perlindungan yang sebaik-baiknya kepada rakyat negara dengan tidak mengetepikan pembangunan prasarana daerah luar bandar, khususnya daerah Kinabatangan.

Di bawah Pakej Rangsangan Kedua, di antara tumpuan yang diberikan ialah meningkatkan kemudahan asas di luar bandar dan sebanyak RM230 juta diperuntukkan untuk projek meningkatkan liputan bekalan elektrik dan air di kawasan luar bandar, terutama di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, peruntukan tambahan sebanyak RM350 juta disediakan bagi pembinaan jalan luar bandar. Usaha ini akan meningkatkan aktiviti ekonomi melalui pengambilan kontraktor kecil dan pekerja tempatan di kawasan luar bandar. Di samping itu, Kerajaan juga akan menambahkan peruntukkan sebanyak RM500 juta untuk Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS), dengan memberi tumpuan kepada Sabah dan Sarawak.

SOALAN NO: 30

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**
TARIKH	:	**19 MAC 2009**
RUJUKAN	:	**1617**

SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kepada Dewan ini mengenai perkembangan siasatan terhadap kes pembunuhan Dato' Krishnasamy di Johor Bahru pada tahun lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Gelugor yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sebuah pasukan siasatan khas (task force) telah ditubuhkan bagi menjalankan siasatan terhadap kes pembunuhan Datuk Krishnasamy A/L Shiman. Pihak forensik PDRM juga telah membuat siasatan di tempat kejadian dengan teliti sejurus kejadian tersebut berlaku. Hasil daripada siasatan yang dijalankan, seramai 13 orang lelaki berbangsa India telah ditangkap secara berperingkat untuk membantu penyiasatan. Namun begitu, kesemua 13 suspek telah dibebaskan memandangkan tiada bukti yang kukuh untuk mengaitkan mereka dengan kes ini. Walaubagaimanapun, siasatan berhubung kes ini masih diteruskan.

NO SOALAN : 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG)**
TARIKH	**:**	**19 MAC 2009 (KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan alumni bagi graduan Program Khidmat Negara. Apakah tindakan Kerajaan untuk memantau keberkesanan program tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kelab Alumni Program Latihan Khidmat Negara (KAPLKN) telah pun ditubuhkan pada 21 Jun 2006. KAPLKN ini merupakan sebuah pertubuhan yang sah ditubuhkan dan didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan.

Dari segi keahlian pula, setakat ini seramai 3,338 orang bekas pelatih PLKN telah mendaftar menjadi ahli KAPLKN. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa melalui aktiviti-aktiviti yang sedang dan akan dilaksanakan serta bantuan publisiti yang akan dibuat oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) terhadap KAPLKN.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, KAPLKN sebagai sebuah organisasi yang masih muda sudah tentu memerlukan bantuan dan panduan untuk menggerakkan aktiviti-aktivitinya. Tambahan pula mereka yang menganggotainya masih lagi muda dan masih belajar.

Sehubungan itu, JLKN, Kementerian Pertahanan sentiasa membantu KAPLKN sebagai sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk terus mengadakan aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara

sukarela dan meningkatkan semangat jati diri setiap pelatih selepas menghadiri PLKN, selaras dengan objektif seperti berikut:-

1. **Mewujudkan bekas pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang terus menerus memberi sumbangan kepada negara.**

2. **Membantu merealisasikan hasrat Kerajaan untuk menjayakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sebagai satu iltizam yang diterima seluruh lapisan masyarakat.**

3. **Sebagai medium untuk ahli Kelab Alumni Program Latihan Khidmat Negara (KAPLKN) meneruskan aktiviti-aktiviti yang berfaedah ke arah 3P iaitu Perpaduan, Perwatakan dan Patriotisme.**

4. **Sebagai platform untuk ahli Kelab Alumni Program Latihan Khidmat Negara (KAPLKN) mengeratkan silaturahim di kalangan mereka.**

Mesy Pertama DR/09 19.03.09-Datuk Sapawi bin Hj Ahmad

Soalan No: 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DATUK CHUA SOON BUI (TAWAU)**
PERTANYAAN	:	**MULUT**
TARIKH	:	**19.3.2009**

Datuk Chua Soon Bui minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

a) bagaimanakah berkesannya rancangan penyelamatan dan *bail-out* yang dilancarkan oleh Kementerian untuk meningkatkan ekonomi selepas impak ketidaktentuan ekonomi sedunia; dan

b) senaraikan syarikat-syarikat yang bermanfaat daripada rancangan penyelamatan itu dan berapakah jumlah bantuan bagi setiapnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini, tidak ada Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) atau mana-mana Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang di *bail-out* (dengan izin) oleh Kerajaan..

Bagaimanapun, bagi menangani krisis ekonomi global semasa, Kerajaan telah melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi pada 4 November 2008 dan 10 Mac 2009 supaya dapat meringankan keperitan rakyat, terutama golongan yang mudah terjejas. Ini termasuk pekerja, pengguna, pelabur, peniaga kecil dan sederhana, pengeksport dan graduan menganggur. Selain itu, di antara langkah pakej rangsangan Kerajaan adalah untuk membina keupayaan masa depan supaya dapat mengurangkan pergantungan ekonomi negara kepada sektor luar dan seterusnya memastikan ekonomi negara lebih berdaya tahan dan menjamin pertumbuhan lebih mapan pada masa hadapan.

Disediakan oleh	:	Noor Azlin Adnan, KE(M)
No. Sambungan	:	3480
Disemak oleh	:	Lim Seng Gim, KS (M)
No. Sambungan	:	3469
Diluluskan oleh	:	Dato' Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah, TSBE(M)
No. Sambungan	:	3500

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pakej Rangsangan Kedua-Peruntukan Mengikut Negeri

Negeri	Jumlah (RM juta)
Sarawak	1,174.4
Johor	1,126.8
Pahang	808.4
Selangor	397.5
Negeri Sembilan	376.1
Sabah	368.7
Wilayah Persekutuan	325.4
Perak	297.8
Kedah	149.0
Perlis	143.0
Terengganu	124.1
Kelantan	91.2
Pulau Pinang	66.6
Melaka	59.8
Pelbagai	4,491.2
JUMLAH	10,000.0

SOALAN NO. (33)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG
(GELANG PATAH)

TARIKH : 19 MAC 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) jumlah kelulusan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKP); dan

(b) langkah-langkah untuk mengatasi kelewatan Proses meluluskan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKP).

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai tahun 2006 sehingga 31 Disember 2008, jumlah bantuan yang telah disalurkan melalui Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) kepada keluarga miskin bandar adalah sebanyak 38,500 yang melibatkan 18,412 keluarga.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi mengatasi masalah kelewatan proses meluluskan program PPKB ialah:-

i. Meringkaskan dan memudahkan pengisian borang permohonan bantuan PPKB;

ii. Memendekkan tempoh memproses permohonan; dan

iii. Memantapkan garis panduan supaya pemohon jelas tentang ruangan yang perlu diisi dan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

No. Soalan : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)

TARIKH : 19 MAC 2009 (Khamis)

SOALAN :

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) berapa jumlah Pegawai Kumpulan A yang telah mencapai umur bersara wajib tetapi disambung perkhidmatan secara perlanjutan

(b) apakah sebab utama pegawai-pegawai ini diberi perlanjutan perkhidmatan sedangkan masih ramai pegawai-pegawai lain yang berkelayakan terbantut kenaikan pangkat akibat perlanjutan pegawai atasan mereka.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 28 Februari 2009, jumlah pesara yang dilantik secara kontrak bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam perkhidmatan awam adalah seramai 333 orang.

Pelantikan pesara secara kontrak bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah bagi mengisi kekosongan jawatan kritikal khususnya Pegawai Perubatan dan Pensyarah Universiti. Pelantikan ini secara dasarnya tidak menghalang kenaikan pangkat pegawai sedia ada kerana pelantikan dibuat di bawah peruntukan OS29000 dan bagi skim perkhidmatan Pensyarah, kenaikan pangkat tidak memerlukan kekosongan jawatan.

NO SOALAN : 35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ (SRI GADING)**
TARIKH	**:**	**19 MAC 2009 (KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

(a) Apakah Kementerian mempunyai perancangan atau mekanisme tertentu untuk membantu pesara tentera; dan

(b) Sejauh manakah taraf kestabilan hidup pesara-pesara tentera ini adakah di bawah paras kemiskinan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mekanisma Kerajaan bagi membantu pesara tentera ialah melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Kementerian Pertahanan. Selain dari membayar ganjaran, pencen dan lain-lain faedah persaraan, JHEV juga menyampaikan pelbagai bantuan lain kepada pesara-pesara tentera.

Bagi golongan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang kurang mampu dan memerlukan bantuan termasuk dari golongan Veteran ATM yang tidak berpencen, Skim Kebajikan JHEV menyediakan beberapa jenis bantuan seperti bantuan sara hidup, bantuan sekolah, bantuan kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), bantuan peralatan pesakit dan bantuan bencana alam.

Untuk Veteran ATM yang ingin dan mampu bekerja pula, perancangan bagi membantu pesara tentera adalah seperti berikut:

i) <u>Sebelum Bersara</u>:

Sebelum menjalani Latihan Peralihan di Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), bakal pesara akan mengambil ujian

Mesy Pertama DR/09 19:03:09-Datuk Hj Mohamed bin hj Aziz

profiling di dalam kursus umum institusi tersebut. Ujian diadakan untuk menentukan jenis kemahiran dan kecenderungan bakal pesara supaya dapat memilih kursus yang sesuai.

ii) Semasa Menjalani Latihan Peralihan di PERHEBAT:

Latihan Peralihan kepada bakal pesara dijalankan untuk memberi pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pekerjaan bagi menghadapi penghidupan baru.

Latihan Peralihan dibahagikan kepada enam kategori iaitu:

- Latihan/Kursus Vokasional dan Teknikal
- Latihan/Kursus Pertanian dan Penternakan
- Latihan Sambil Kerja
- Latihan/ Kursus Bidang Pengurusan
- Latihan/Kursus di Institut Kemahiran dan Keusahawanan (IKK) PERHEBAT
- Latihan Secara Persendirian

Mesy Pertama DR/09.19.03.09-Datuk Hj Mohamed bin hj Aziz

Latihan Peralihan ini diwajibkan kepada semua bakal pesara mengikut kelayakan masing-masing dan memakan masa antara 3 hingga 18 bulan.

Bagi latihan yang diperlukan oleh pesara di mana bidang yang ingin diceburi tiada di PERHEBAT, JHEV akan mempertimbangkan kelulusan latihan berkenaan.

iii) Selepas Persaraan:

- Mencari dan mencadangkan pekerjaan yang sesuai dengan pesara melalui suai kenal dengan bakal-bakal majikan.

  Pesara akan didedahkan dengan peluang-peluang kerjaya yang bersesuaian dengan kemahiran dan kepakaran masing-masing.

- Menyediakan skim bantuan sosio-ekonomi dalam membangunkan usahawan

  Kementerian menerusi JHEV juga merancang program untuk membangunkan usahawan menerusi khidmat perunding serta pemantauan berkala. Program pemantauan ini diadakan bagi

perniagaan yang berpotensi supaya sebarang isu dan masalah dapat dibantu demi memantapkan usahawan yang terlibat.

iv) Bagi semua Veteran ATM termasuklah bagi yang tidak berpencen, berpencen kecil atau tidak boleh bekerja, JHEV mempunyai beberapa jenis bantuan iaitu:

- Kemudahan Rawatan Perubatan.

- Bantuan peralatan perubatan iaitu manfaat membenarkan tuntutan bayaran bagi pembelian peralatan perubatan.

- Bantuan sara hidup iaitu bantuan kewangan bagi meringankan beban Veteran ATM atau tanggungannya yang kurang mampu.

- Bantuan sekolah iaitu bantuan kewangan bagi membantu menampung kos kemasukan ke sekolah. Jumlah bantuan bagi sekolah rendah ialah RM 500 sementara bagi sekolah menengah ialah RM 700.

- Bantuan institut pengajian tinggi iaitu bantuan kewangan bagi membantu

menampung kos kemasukan ke IPTA. Jumlah bantuan bagi peringkat Diploma ialah RM 700 sementara bagi peringkat Ijazah ialah RM 1000.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pesara yang menerima pencen perkhidmatan dibawah Paras Garis Kemiskinan ialah 1,993 orang. Bilangan pesara-pesara tentera yang mendapat Pencen Perkhidmatan kurang dari RM720 pula ialah 1,227 pesara dari 84,784 penerima pencen perkhidmatan. Sejak 1 Januari 2009 pencen minima RM720 telah berkuatkuasa bagi pesara tentera yang cukup tempoh perkhidmatannya. Umumnya golongan yang menerima pencen perkhidmatan dibawah RM720 ialah golongan yang tidak memenuhi tempoh 21 tahun perkhidmatan bagi lain-lain pangkat atau 25 tahun perkhidmatan bagi pegawai. Namun Kerajaan telah memberikan beberapa manfaat seperti kemudahan perkhidmatan perubatan percuma yang disalurkan melalui hospital-hospital Kerajaan.

SOALAN NO: 36

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (JELUTONG)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **19.3.2009**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah punca utama TNB menanggung kerugian bersih selepas cukai sebanyak RM944.1 juta setelah di ambil kira kerugian tukaran mata wang asing sebanyak RM1.439 bilion, serta strategi untuk memulihkan impak negatif tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, prestasi kewangan TNB sebenarnya telah bertambah baik sejak beberapa tahun yang lalu. Bagaimanapun, kerugian bersih selepas cukai hanya berlaku setelah mengambil kira kerugian mata wang asing akibat penyusutan nilai Ringgit Malaysia berbanding USD bagi pinjaman luar negara TNB setakat 30 November 2008 yang *unrealised* kerana belum sampai tempoh matang. Oleh itu, kerugian mata wang asing ini adalah

merupakan *translation loss/paper loss* dengan pecahan bagi suku pertama 2009 seperti berikut:

- Yen - RM971.0 juta
- USD - RM418.9 juta
- Others - RM 49.9 juta

Jumlah RM1,439.7 juta

2. Di antara strategi-strategi yang dilaksanakan oleh pengurusan TNB untuk memulihkan impak negatif tersebut adalah seperti memperkenalkan pelbagai inisiatif penjimatan kos, yang telah membawa kepada penjimatan atau *value creation* sebanyak RM2.6 bilion dan pengurangan jumlah pinjaman syarikat sebanyak RM9 bilion, setakat tahun kewangan 2007. Inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan juga telah mempertingkatkan kecekapan dan operasi syarikat, yang telah membawa TNB untuk memenangi *Anugerah Kecemerlangan Industri Perdana Menteri 2007* serta menjadi GLC besar yang pertama dikreditasikan secara keseluruhan badan korporatnya *(corporate wide)* dengan MS ISO9001:2000.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

SOALAN 37

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Dato' Ismail Bin Kasim (Arau)

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN : **YB Dato' Ismail Bin Kasim [Arau]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah pihak Kementerian memantau semua wang kutipan daripada tabung-tabung bantuan mangsa Palestin yang diwujudkan oleh pelbagai pihak, sampai kepada kumpulan sasaran yang betul ataupun adakah terdapat usaha di pihak Kementerian untuk terus salurkan kepada mangsa yang berada di dalam Palestin.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh tujuh orang Ahli Parlimen ini iaitu, YB Lenggong pada 23 Februari 2009, YB Pasir Puteh pada 5 Mac 2009, YB Pontian pada 10 Mac 2009, YB Batu Pahat pada 16 Mac 2009, YB Arau dan YB Lipis pada 19 Mac 2009 dan pertanyaan bukan jawab lisan oleh YB Tanah Merah, memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama, iaitu berhubung sumbangan Kerajaan dan rakyat Malaysia kepada penduduk Gaza yang menderita akibat serangan Israel.

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan telah mengaktifkan kembali Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin. Sumbangan-sumbangan yang disalurkan oleh orang awam ke Tabung ini di selia oleh Jawatankuasa Akuan Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri. Jawatankuasa ini akan memutuskan mengenai tatacara, mekanisme adan bentuk sumbangan yang akan disalurkan kepada rakyat Palestin. Bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat Palestin dikategorikan kepada beberapa fasa iaitu fasa semasa serangan, selepas serangan dan fasa pembangunan dan pembinaan semula Gaza

2. Sumbangan-sumbangan yang disalurkan melalui Kementerian Luar Negeri ditadbir oleh Jawatankuasa Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri. Jawatankuasa ini akan menyalurkan semua sumbangan yang diterima kepada badan-badan yang akan dipertanggungjawabkan untuk menguruskan bantuan yang bersesuaian bergantung kepada keperluan yang dikenal pasti di Gaza.

3. Setakat 20 Februari 2009, jumlah dana yang diterima dan terkumpul di dalam Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin di Kementerian Luar adalah berjumlah RM11,466,251.89. Di samping itu, Kerajaan telah menyumbangkan US$ 1 juta melalui MERCY Malaysia ketika permulaan serangan Israel ke atas Gaza. Bagi tabung-tabung lain yang diusulkan oleh badan-badan bukan Kerajaan, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak memiliki peruntukan undang-undang khas untuk mengawal selia perjalanan tabung-tabung berkenaan. Sehubungan itu, pemantauannya adalah terpulang kepada rang ramai yang menderma kepada tabung-tabung berkenaan. Sekiranya berlaku penyelewengan, orang ramai perlulah melaporkan perkara tersebut dan pihak berkuasa pasti akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

4. Berhubung soalan YB Lenggong, pasukan-pasukan bantuan bencana dan kemanusiaan yang telah pergi ke Gaza adalah terdiri daripada ahli-ahli pertubuhan bukan Kerajaan. Saya percaya mereka turut membawa imej Malaysia di persada bantuan kemanusiaan antarabangsa. Kerajaan juga menjalinkan kerjasama dengan NGO-NGO yang telah dan akan pergi ke Gaza bagi memastikan sumbangan-sumbangan yang akan diberi akan sampai kepada – dan dimanfaati oleh rakyat Palestin di Gaza.

5. Untuk pengetahuan YB Pontian, tajaan pembelajaran bagi pelajar-pelajar Palestin termasuk dalam peringkat bagi membantu pembangunan dan pembinaan semula Gaza dan akan diperhalusi apabila keadaan mengizinkan dan kembali tenang. Ianya juga terdapat dalam program besar 'New Asia-Africa Strategic Partnership' yang dikendalikan oleh Indonesia dan Afrika Selatan. Malaysia bersama-sama semua negara Asia dan Afrika turut mengeluarkan bantuan secara langsung kepada Palestin dan ni disalurkan di bawah program Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin.

6. Untuk makluman YB Batu Pahat, ekoran sidang khas Parlimen mengenai isu serangan Israel di Gaza pada 12 Januari 2009 lalu, Kerajaan telah menghantar resolusi tersebut ke negara-negara yang mempunyai Badan Perundangan. Selain itu, Kerajaan juga telah mengusahakan bagaimana Israel boleh dibawa ke Tribunal Jenayah Antarabangsa untuk dibicarakan.

7. Untuk pengetahuan YB Tanah Merah, kos-kos yang melibatkan pengurusan untuk penyaluran bantuan tersebut adalah minimum, jika ada, ~~kerana kebanyakan~~ kos adalah ditanggung oleh Kerajaan juga.

SOALAN 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI WAN ABD RAHIM BIN WAN ABDULLAH [KOTA BHARU]

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN : MEMINTA MENTERI PELANCONGAN menyatakan :

Bilangan pelancongan Asia Barat yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dalam tahun 2007 dan 2008.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Secara keseluruhannya, kedatangan pelancong Asia Barat ke Malaysia pada tahun 2008 meningkat sebanyak **7.8%** dengan jumlah pelancong seramai **264,338 orang** berbanding **245,302** orang untuk tahun **2007.** Bilangan pelancong Asia Barat ke Malaysia mengikut negara bermastautin (*Country of Residence*) bagi **tahun 2008** adalah Arab Saudi (74,632), Iran (63,165), UAE (34,994), Kuwait (18,853), Oman (17,472), Yemen (11,286), Iraq (10,032), Bahrain (7,822), Qatar (7,808),Jordan(7,087), Lebanon (5,532),dan Syrian (4,838). Di antara negara – negara yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah Iran (23%), Kuwait (7%), Yemen, (4%), Bahrain (2%) dan Jordan (2%).

NO. SOALAN : ~~30~~ 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN KHAIRY BIN JAMALUDIN**

TARIKH : **19 MAC 2009**

SOALAN:

TUAN KHAIRY BIN JAMALUDDIN [REMBAU] minta MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang menambah jumlah dan kapasiti Institut Kemahiran MARA serta Kolej Tinggi MARA bagi melatih dan melahirkan golongan pekerja berkemahiran tinggi terutama kepada golongan muda dan penganggur dari luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini, terdapat dua belas (12) buah Institut Kemahiran MARA (IKM) serta lapan (8) buah Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) di seluruh negara yang telah beroperasi. Terdapat sebanyak enam (6) buah IKM dan empat (4) buah KKTM dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Kementerian ini sememangnya berhasrat bagi menambah bilangan dan kapasiti IKM / KKTM dari semasa ke semasa. Bagi mencapai hasrat ini, kementerian melalui MARA telah mengambil pelbagai pendekatan termasuklah:

(i) Mengenalpasti tapak-tapak baru yang sesuai bagi pembinaan IKM / KKTM yang baru dalam RMKe-10 seperti di Seberang Perai Utara, Raub, Pasir Puteh, Senawang, Banting dan Kota Tinggi;

(ii) Meningkatkan kelengkapan peralatan di IKM / KKTM dengan anggaran kos sebanyak RM527,186,100;

(iii) Meningkatkan jumlah pengambilan pelajar sehingga 2,000 orang bagi program-program yang popular iaitu kursus kejuruteraan mekanikal dan kejuruteraan elektrik;

(iv) Memperkenalkan kursus-kursus baru selaras dengan perubahan teknologi iaitu kejuruteraan persekitaran dan kejuruteraan pertanian;

(v) Menawarkan program persediaan (titian) bagi membolehkan calon yang asalnya tidak mempunyai kelayakan minimum juga berpeluang menjalani latihan di IKM / KKTM; dan

(vi) Menawarkan kursus-kursus jangka pendek (3-6 bulan) di dalam mengoptimakan kemudahan latihan yang sedia ada.

Sehingga kini seramai 225,238 pelajar telah berjaya mengikuti pelbagai program / kursus yang telah ditawarkan oleh IKM / KKTM di bawah MARA.

Disediakan oleh : **Puan Faridah binti Md. Jamil**
Penolong Pengarah (PP)
Tel : 03 - 8880 5765
H/P: 013 – 340 3474

Disemak oleh : **Encik Yusof bin Mahadi**
Pengarah (PP)
Tel : 03 - 8880 5774
H/P: 019 – 264 1534

Diluluskan oleh : **Y.Bhg. Dato' Musa bin Muhamad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi

NO. SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah projek-projek (serta jumlah bajet setiap projek) yang telah pun diluluskan di bawah Skim Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen Sungai Siput selepas 8 Mac 2008.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 8 Mac 2008 hingga 31 Disember 2008, sebanyak 123 projek yang melibatkan peruntukan sebanyak RM952,550 telah dibelanjakan untuk kawasan Parlimen Sungai Siput. Peruntukan ini meliputi 63 projek sosial/kebudayaan yang berjumlah RM543,300, 52 bantuan/sumbangan kewangan/peralatan

berjumlah RM282,790 lima projek melibatkan pembinaan infrastruktur berjumlah RM18,460 dua projek keagamaan berjumlah RM105,000 dan satu projek ekonomi berjumlah RM3,000.

SOALAN NO : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan	:	**LISAN**
Daripada	:	**TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM]**
Tarikh	:	**KHAMIS, 19 MAC 2009**

SOALAN

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah perangkaan Jawatan Pegawai JASA S22 dan S41 di bawah Jabatan Hal Ehwal Khas mengikut bangsa dan negeri di seluruh negara. Adakah aktiviti-aktiviti JASA bertujuan ke arah memupuk semangat persefahaman dan toleransi pelbagai kaum di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Simpang Renggam atas soalan yang dikemukakan. Program-program JASA seperti Taqarrub, Warga Ceria, Ceramah Perdana, Forum, Gerak Tumpu, dan Pemimpin Bersama Rakyat yang melibatkan pelbagai kaum sememangnya bertujuan memupuk persefahaman dan toleransi pelbagai kaum di negara ini. Manakala, bilangan pegawai-pegawai JASA S22 dan S14 mengikut bangsa adalah seperti berikut:

SOALAN NO : 41

1. Pegawai Penerangan Parlimen (S41)

Melayu	-	144 orang
Cina	-	10 orang
India	-	1 orang
Lain-lain	-	22 orang

2. Pembantu Pegawai Penerangan (S22) / Pegawai DUN

Melayu	-	400 orang
Cina	-	54 orang
India	-	11 orang
Lain-lain	-	68 orang

SOALAN NO: 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**19.03.2009**

Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

(a) berapakah jumlah syarikat dan individu yang menikmati pengecualian dan pengurangan cukai dari tahun 2007 hingga sekarang dan apakah rasionalnya di sebalik kelonggaran tersebut; dan

(b) berapakah kerugian yang ditanggung akibat dari kelonggaran tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat pelbagai pengecualian dan pengurangan cukai yang dinikmati oleh syarikat dan individu sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949. Pengecualian

cukai yang dinikmati oleh syarikat dan individu adalah merangkumi cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem. Pengurangan cukai pula boleh diberi melalui potongan ke atas perbelanjaan khas, potongan selanjutnya, potongan dua kali serta *tuntutan insentif di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967* atau Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Jumlah syarikat dan individu yang telah menikmati pengecualian atau pengurangan cukai bagi tempoh tahun taksiran 2007 hingga kini tidak dapat dikemukakan sepenuhnya kerana kebanyakan syarikat dan juga individu yang tamat tempoh perakaunannya pada 31 Disember 2008 belum mengemukakan taksiran cukai memandangkan mereka diberi tempoh tujuh bulan (bagi syarikat) atau sehingga 30 April/30 Jun 2009 (bagi individu) untuk mengemukakan penyata pendapatan masing-masing. Walau bagaimanapun jumlah syarikat dan individu yang menikmati pengecualian atau pengurangan cukai bagi tahun taksiran 2005 hingga 2007 (sebahagiannya) adalah seperti berikut:

Tahun taksiran 2005: 17,863 buah syarikat dan 4,305 individu;
Tahun taksiran 2006: 32,916 buah syarikat dan 7,682 individu;
Tahun taksiran 2007: 25,932 buah syarikat dan 5,696 individu.

Angka bagi tahun taksiran 2007 ini belum lengkap kerana ada pembayar cukai yang belum mengemukakan borang nyata cukai pendapatan.

Secara umumnya, rasional pemberian pengecualian atau pengurangan cukai adalah bagi tujuan berikut:

(i) untuk menarik pelaburan asing dan tempatan dalam sektor-sektor tertentu yang digalakkan seperti pembuatan, pertanian, pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi, R&D dan perhotelan;

(ii) untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan supaya negara lebih kompetitif; dan

(iii) untuk mengurangkan beban tanggungan cukai individu seperti golongan pesara dan orang yang hilang pekerjaan.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, setiap langkah cukai yang diumumkan Kerajaan juga telah dinyatakan secara terperinci melalui bajet tahunan.

Secara keseluruhannya kehilangan hasil adalah sebanyak RM13.1 bilion bagi tahun taksiran 2005, RM13.6 bagi tahun taksiran 2006 dan RM7 bilion bagi tahun taksiran 2007.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN RAIMEE BIN UNGGI**
		(TENOM)
TARIKH	:	**19.03.2009 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**43**

TUAN RAIMEE BIN UNGGI minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana penurunan harga barang-barang keperluan semasa seiring dengan penurunan harga runcit petrol dan diesel di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tidak dinafikan bahawa berlaku kenaikan harga barang selepas kenaikan harga bahan petroleum. Namun selepas harga bahan petroleum diturunkan sebanyak 7 kali, kebanyakan peniaga tidak segera menurunkan harga barang kerana mereka ingin menghabiskan stok lama yang telah dibeli pada harga tinggi.

Semenjak 7 kali penurunan harga minyak di pam, pemantauan telah dibuat ke atas 20 barangan keperluan terpilih. Hasil pemantauan mendapati barangan yang mengalami peratus penurunan tertinggi ialah mee kuning sebanyak (-82.38%), tomato sebanyak (-30.99%) dan ikan kerisi tempatan sebanyak (-26.16%). Faktor perubahan harga barangan bukan hanya dipengaruhi dengan perubahan harga minyak di pasaran sahaja tetapi juga dipengaruhi faktor penawaran dan permintaan daripada peniaga dan pengguna.

Walaubagaimanapun, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menurunkan harga barangan keperluan seperti berikut :

i. Pemberian subsidi bagi barangan perlu yang dikawal harga oleh Kerajaan. Kementerian ini telah melaksanakan beberapa langkah iaitu dengan pelaksanaan sistem subsidi. Sebagai contoh, pemberian subsidi bagi sektor pengangkutan dilaksanakan agar kos pengangkutan dapat dikawal selaras dengan penurunan harga petrol dan diasel secara berperingkat. **Sistem Kenderaan Diesel Bersubsidi (SKDS/*Fleetcard*)** yang telah dilaksanakan sejak 1 Mac 2006 dengan 20 jenis kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam yang layak menikmati diesel bersubsidi pada harga **RM1.43 se liter.** Langkah ini bertujuan menampung peningkatan kos operasi memandangkan Kerajaan tidak membenarkan kenaikan harga tambang bagi pengangkutan awam. Pemberian subsidi ini bertujuan untuk mengelakkan daripada pengusaha memindahkan kos kenaikan harga minyak melalui caj atau upah yang dikenakan. Selain itu, teksi dan kereta sewa yang menggunakan petrol juga diberikan petrol bersubsidi pada harga **RM1.92 se liter** bermula pada **29 Julai 2008.** Subsidi juga diberi kepada bot-bot penumpang sungai di negeri Sarawak yang menggunakan enjin diesel pada harga **RM1.43/liter.**

ii. Kerajaan juga mengadakan projek perintis dengan memberi subsidi pengangkutan di kawasan luar bandar dan pendalaman. Sehingga kini Kementerian telah menjalankan 2 projek di Semenanjung dan ketika ini 3 projek sedang dijalankan di Sabah dan Sarawak. Projek ini akan dipanjangkan ke kawasan luar bandar dan pendalaman seluruh negara.

iii. Program pengedaran barang-barang perlu bertujuan memastikan barangan keperluan bersubsidi terutamanya bahan asas makanan seperti tepung gandum, beras, dan minyak masak sampai kepada golongan sasaran pada harga yang berpatutan dan ditetapkan Kerajaan dan bekalan sentiasa mencukupi.

Di samping mengenalpasti sistem pengedaran yang cekap, efisien dan kos efektif untuk mengedarkan barangan keperluan kepada pengguna terutama di kawasan luar bandar, projek perintis ini diharap dapat memberikan penyelesaian alternatif di dalam menambahbaik sistem pengedaran sedia ada, memastikan bekalan barangan keperluan yang mencukupi di pasaran terutama di kawasan luar bandar dan di samping untuk mengawal kenaikan harga barangan secara mendadak.

DISEDIAKAN OLEH

Nama : Norshiha Mat Zaki
Bahagian Majlis Harga Barang

DILULUSKAN OLEH

Nama : Puan Mahani Tan Abdullah,
Timbalan Ketua Setiausaha (K&P)

Soalan No: 44

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DR. LEE BOON CHYE (GOPENG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**19.03.2009**

Datuk Lee Boon Chye (Gopeng) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan dan nilai projek pembangunan yang dilaksanakan secara tender terbuka berbanding dengan bilangan dan nilai projek pembangunan keseluruhannya pada tahun 2004-2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, majoriti projek-projek Kerajaan dilaksanakan melalui tender selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Nasional dan usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap ketelusan dalam proses perolehan dan mendapat *value for money.* Perolehan Kerajaan untuk kontrak-kontrak Bumiputera juga ditender melalui *competitive bidding* di kalangan syarikat-syarikat Bumiputera supaya kontraktor-kontraktor Bumiputera dapat bersaing dengan sihat dan meningkatkan lagi daya saing dan daya tahan mereka. Dalam pada masa yang sama,

pengecualian daripada tender terbuka adalah dibenarkan atas justifikasi keselamatan, perolehan strategik dan keperluan bagi kepakaran yang khusus dan melibatkan teknologi tinggi terutama sekali projek-projek yang kompleks.

Kerajaan komited untuk memastikan kebanyakan projek diuruskan secara tender bagi mencapai nilai faedah terbaik kepada Kerajaan di samping memperkuatkan daya saing syarikat melalui persaingan.

Disediakan oleh	:	Azah Hanim Ahmad Samb. 3283
Disemak oleh	:	Hashmuddin Mohammad Samb: 3270
Diluluskan oleh	:	Dato' Fauziah Yaacob Samb: 3223

Maklumat Tambahan

1. Semua perolehan Kerajaan yang melebihi RM500,000 hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka mulai 24 Februari 2009 setelah had nilai sebut harga dinaikkan kepada RM500,000.

2. Perolehan secara rundingan terus memerlukan kelulusan khas Kementerian Kewangan. Garis panduan untuk permohonan perolehan secara rundingan terus adalah seperti berikut:

(a) Keperluan mendesak
(b) Bagi maksud keseragaman
(c) Satu punca bekalan/perkhidmatan (pembuat, pemegang francais)
(d) Melibatkan keselamatan/strategik dan
(e) Kontrak dengan syarikat pembuat Bumiputera

3. Projek secara rundingan terus juga dipertimbangkan dalam keadaan tertentu untuk memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera mendapat peluang melaksanakan projek dan memperolehi kemahiran dan pengalaman. Langkah ini perlu kerana

kontraktor Bumiputera yang tiada kepakaran atau pengalaman tidak dapat bersaing dengan petender lain yang mempunyai banyak kelebihan lain dan oleh itu boleh menawarkan harga jauh lebih murah daripada kontraktor Bumiputera sehingga kontraktor Bumiputera tiada peluang langsung mendapat projek Kerajaan.

4. Kementerian Kewangan sentiasa menekankan bahawa proses perolehan Kerajaan hendaklah telus selaras dengan prinsip-prinsip perolehan iaitu ketelusan, saingan terbuka dan adil dan saksama supaya matlamat nilai faedah terbaik dapat dinikmati.

5. Tender terhad dibenarkan bagi perolehan tidak melebihi RM5 juta bagi Kementerian/Jabatan Kerajaan dan tidak melebihi RM10 juta bagi Badan Berkanun dan Syarikat Kerajaan. Permohonan untuk tender terhad hendaklah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Agensi dan ketika meluluskan tender terhad Lembaga Perolehan Agensi juga dikehendaki meluluskan sekurang-kurangnya lima (5) pembekal bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan dan sekurang-kurangnya sepuluh (10) kontraktor untuk perolehan kerja untuk dijemput mengambil bahagian dalam tender terhad.

6. Walaupun rundingan terus diluluskan, agensi Kerajaan perlu menubuhkan Jawatankuasa Rundingan Harga dan memperakukan harga yang munasabah dan berpatutan untuk mencapai matlamat nilai faedah terbaik. Kementerian Kewangan telah mengenal pasti

beberapa kelemahan sebelum ini mengenai harga projek yang diluluskan secara rundingan terus yang didapati harga yang dimuktamadkan mahal. Kementerian Kewangan telah mengambil tindakan untuk menangani perkara ini dengan mengeluarkan garis panduan rundingan harga bagi perolehan yang diluluskan secara rundingan terus pada 26 Mac 2008 supaya harga yang dipersetujui munasabah dan berpatutan.

7. Bagi projek yang dipelawa secara tender terhad masih ada persaingan antara petender dan tawaran-tawaran melalui proses penilaian supaya tawaran terbaik dan paling menguntungkan dipilih.

Garis Panduan Permohonan Secara Rundingan Terus bertarikh 17 April 2002 seperti di **Lampiran A.**

Garis Panduan Rundingan Harga Perolehan Yang Diluluskan Secara Rundingan Terus bertarikh 26 Mac 2008 seperti di **Lampiran B.**

NO. SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID

TARIKH : 19 MAC 2009 (KHAMIS)

SOALAN:

YB. Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid (Padang Besar) minta PERDANA MENTERI menyatakan lebih kurang 10 tahun dahulu Kerajaan telah membuat keputusan mengenalkan sistem "paperless government" dan meninggalkan sistem" filing" yang diwarisi dari Kerajaan British yang didapati amat berkesan dalam urusan pentadbiran. Hari ini adakah Kerajaan berpuas hati dengan sistem "tanpa kertas" ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam menjayakan Perkhidmatan Awam ke arah konsep *paperless government.* Penggunan teknologi maklumat dalam Perkhidmatan Awam telah membolehkan perkhidmatan disediakan melalui pelbagai saluran elektronik seperti Internet iaitu laman web dan portal agensi Kerajaan, kios, telefon bimbit dan *Interactive Voice Response* atau

telefon. Jika sebelum ini orang ramai dikehendaki mengisi borang dan mengemukakannya di kaunter perkhidmatan, dengan penggunaan teknologi maklumat pada masa kini, orang ramai diberi pilihan untuk melakukan transaksi dengan Kerajaan melalui saluran elektronik. Ini jelas dapat mengurangkan pembaziran kertas dalam perkhidmatan awam.

Di antara inisiatif yang telah diperkenalkan yang dapat mengurangkan penggunaan kertas adalah:

i. myBayar yang membolehkan orang ramai membuat pembayaran secara online;
ii. mySMS yang membolehkan perkhidmatan Kerajaan dicapai melalui telefon bimbit;
iii. portal my Government yang membolehkan perkhidmatan dan maklumat Kerajaan dicapai secara online; dan

my Forms yang membolehkan capaian kepada borang-borang Kerajaan secara *online*.

Pada masa ini terdapat 1,198 perkhidmatan yang boleh dikendalikan melalui Internet dan 260 perkhidmatan melalui SMS. Perkhidmatan tersebut telah disediakan di pelbagai peringkat Kerajaan iaitu peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Selain ini, Kerajaan juga telah membangunkan beberapa aplikasi elektronik untuk berkongsi maklumat di antara agensi Kerajaan; memantau projek Kerajaan; pengurusan maklumat sumber manusia dan sebagainya yang telah berjaya mencapai matlamat *paperless government.*

Di antara inisiatif ini adalah seperti berikut:

i. e-Perolehan: Kemudahan proses perolehan Kerajaan;

ii. Sistem Pemantauan Projek (SPP II): Pemantauan pelaksanaan projek – projek Kerajaan;

iii. Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS): Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam yang lebih cekap dan berkesan;

iv. *Electronic Guaranteee Letter* (e-GL): Kemudahan pengenalan diri bagi perkhidmatan perubatan di hospital Kerajaan;

v. Persekitaran Pejabat Generik (GOE-EGDMS): Kemudahan pengurusan dokumen dan proses-proses pentadbiran pejabat yang lebih cekap dan berkesan;

vi. E-Filling: Kemudahan urusan cukai pendapatan; dan

vii. JobsMalaysia; Kemudahan perkhidmatan carian kerja kepada orang ramai.

Sehingga kini, Kerajaan berpuas hati dengan usaha – usaha yang telah diambil ke arah merealisasikan hasrat Kerajaan dalam mewujudkan *paperless government.* Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa menggesa semua kementerian dan agensi– agensi Kerajaan untuk melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan yang dapat

mengurangkan penggunaan kertas dan secara langsung mengurangkan kos di perkhidmatan awam. Di samping itu, inisiatif-inisiatif yang telah diperkenalkan bukan hanya telah mempercepatkan proses kerja, kecekapan dan masa malahan juga telah meningkatkan ketelusan penyediaan perkhidmatan tersebut.

SOALAN NO. 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR [KETEREH]

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Haji Ab Aziz Bin Ab Kadir [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan borang pengisytiharan yang disertakan bersama kertas undi pos kerana ini menafikan prinsip kerahsiaan semasa mengundi.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan borang pengisytiharan kertas undi pos kerana prinsip kerahsiaan semasa mengundi tetap terjamin sekiranya pengundi-pengundi mematuhi arahan pengundian yang disertakan bersama borang pengisytiharan tersebut. Bagi pengundian pos, borang pengisytiharan merupakan dokumen penting untuk menentukan pengundi sebenar yang menerima kertas undi berkenaan. Tanpa borang tersebut, pengundian pos boleh dimanipulasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu borang pengisytiharan (Borang 2) adalah perlu dikekalkan. Namun demikian, memandangkan kertas undi pos banyak yang ditolak disebabkan oleh Borang 2 berkenaan, pihak SPR sedang mengkaji keperluan borang tersebut sama ada ianya perlu dipinda atau diubah suai supaya tidak lagi banyak berlaku kertas undi pos ditolak. Proses ini agak mengambil masa kerana ianya perlu dilihat dari pelbagai aspek dan memerlukan pindaan undang-undang.

SOALAN NO: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN LEE CHEE LEONG

TARIKH: 19 MAC 2009

SOALAN:

Y.B. TUAN LEE CHEE LEONG [Kampar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang bakal diambil untuk membantu atau meringankan beban rakyat yang kehilangan kerja, kerana menurut jangkaan Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) seramai 200,000 pekerja terutamanya pekerja-pekerja dalam industri perkilangan akan kehilangan kerja berikutan kemelesetan ekonomi global.

PR-1221-L18305

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menjangkakan diantara 40,000 hingga 58,000 pekerja akan kehilangan pekerjaan pada tahun 2009 akibat krisis ekonomi global tersebut berbanding dengan unjuran Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) seramai 200,000 orang pekerja terutamanya dalam industri perkilangan. Jangkaan ini walau bagaimanapun bergantung kepada perkembangan ekonomi global dan kesan dari pelaksanaan projek-projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi yang dilancarkan.

Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah bagi membantu meringankan beban rakyat yang kehilangan pekerjaan. Langkah-langkah tersebut termasuklah:-

i) Menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat Kebangsaan dan Negeri, bertujuan mengatasi impak krisis ekonomi terhadap pekerja yang diberhentikan.

ii) Mewujudkan 80 buah Bilik Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja di semua pejabat Jabatan Tenaga Kerja di seluruh negara. Bilik Operasi ini berperanan untuk:

- memantau insiden / laporan pemberhentian pekerja;
- membantu pekerja yang diberhentikan supaya mendapat pekerjaan baru;
- mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara *(lay-off)* dan pengurangan gaji;
- membantu majikan terlibat untuk mengambil langkah / opsyen selain dari pemberhentian; dan
- memantau secara proaktif kekosongan jawatan di sektor swasta dan awam dan seterusnya menguruskan penempatan pekerjaan dengan kerjasama pihak majikan.

iii) Mewujudkan *Community-Based Employment Support Services (CESS)* di semua 80 pejabat Tenaga Kerja di seluruh Negara dan di 27 buah Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) untuk memberi khidmat nasihat dan bimbingan kerjaya serta menempatkan pencari kerja dalam pekerjaan. Selain itu, 22 Kiosk. CESS akan ditubuhkan di tempat-tempat tumpuan awam di seluruh Negara.

iv) Menjalankan program latihan semula dan penempatan *(train & place)* di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama bagi pekerja-pekerja yang diberhentikan, (termasuk belia dan siswazah menganggur) untuk membolehkan mereka memperolehi kemahiran baru sesuai dengan keperluan pasaran pekerjaan semasa.

Pekerja-pekerja yang diberhentikan perlu berdaftar dengan *JobsMalaysia* sebelum diberi latihan dan seterusnya dibuat penempatan.

v) Mengadakan program *train and retain* bagi pekerja yang terlibat dengan pemberhentian sentara. Mereka akan diberi latihan dalam bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri dan akan diambil bekerja semula dengan majikan asal selepas tamat latihan.

NO. SOALAN: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk perbicaraan kes-kes di Mahkamah Persekutuan di Sabah dan Sarawak, adakah syarat Bornean Judicial Experience untuk koram hakim yang diperuntukkan dalam Kuasa 26(4) Inter-Governmental Committe Report 1962 telah dipatuhi sepanjang masa.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada kebiasaannya, ianya hanya dipatuhi sepanjang masa.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]

TARIKH : 19 MAC 2009

RUJUKAN : 1670

SOALAN:

Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah pekerja asing yang didaftarkan di negara ini mengikut negara sehingga kini. Berapa ramai pula pekerja asing yang telah dibuang kerja dan dihantar balik sebagai kesan kepada kemelesetan ekonomi dunia.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 19.3.2009

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Bukit Katil di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah semasa pekerja asing yang direkodkan berdasarkan bilangan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah adalah seramai **2,062,596 orang** manakala pecahan mengikut negara asal adalah seperti berikut:

Bil	Negara	Bilangan pekerja
1	Indonesia	1,085,658 orang
2	Bangladesh	316,401 orang
3	Nepal	201,997 orang
4	Myanmar	144,612 orang
5	India	130,265 orang
6	Vietnam	87,806 orang
7	Filipina	26,713 orang
8	Pakistan	21,278 orang
9	Thailand	21,065 orang
10	Cambodia	12,887 orang
11	China	9,822 orang
12	Sri Lanka	3,940 orang
13	Lain-lain (termasuk Laos, Uzbekistan, Kazakhstan dan sebagainya).	152 orang
	JUMLAH	**2,062,596 orang**

Sehingga 12 Mac 2009, Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia merekodkan seramai 25,772 orang telah diberhentikan oleh majikan masing-masing dengan sejumlah **7,282 orang** daripadanya merupakan pekerja asing.

Buat masa ini, Kerajaan tidak merekodkan secara spesifik kepulangan pekerja asing yang disebabkan faktor kemelesetan ekonomi. Statistik penghantaran pulang pekerja asing menunjukkan seramai **41,462 orang** pekerja asing telah dihantar pulang ke negara asal masing-masing pada bulan Januari dan Februari 2009. Jumlah ini adalah merangkumi keseluruhan pekerja asing yang dihantar pulang atas faktor-faktor seperti pemberhentian, kesihatan, tamat kontrak, tiada penyambungan Pas Kerja dan sebagainya.

SOALAN NO: 50

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN WEE CHOO KEONG (WANGSA MAJU)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**19.03.2009**

Tuan Wee Choo Keong (Wangsa Maju) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan demi menjaga kepentingan umum, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengawal kegiatan AirAsia menjual tiket penerbangan dahulu (*forward*) yang sebenarnya merupakan *deposit taking* yang dilarang oleh pihak Bank Negara jika pengambil deposit itu bukanlah sebuah bank bawah kawalan Bank Negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan AirAsia menjual tiket penerbangan dahulu (*forward*) tidak tertakluk kepada *deposit taking* yang dilarang oleh pihak Bank Negara Malaysia. Pembayaran dahulu (*forward*) ini lebih menjurus kepada pembayaran pra-bayar/terdahulu bagi mendapatkan sesuatu perkhidmatan.

SOALAN NO.: 51

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

(a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk mengkaji bagi membina Tembok Pengadang Pantai bagi mengelakkan terjadinya hakisan pantai yang melibatkan taman-taman perumahan di tepi pantai; dan

(b) adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan tertentu bagi mengelakkan limpahan air laut memasuki taman-taman perumahan di tepi pantai apabila berlakunya air pasang besar yang boleh mengakibatkan banjir di kawasan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memang sentiasa memantau masalah hakisan di seluruh pantai negara dan mengambil tindakan untuk membina struktur-struktur kawalan hakisan di kawasan-kawasan yang menghadapi hakisan yang kritikal. Projek-projek ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut peruntukan yang diluluskan di bawah sesuatu rancangan pembangunan lima tahun seperti Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Sehubungan itu, sekiranya terdapat kawasan taman-taman perumahan di tepi pantai dalam kawasan projek, langkah bagi mengawal kejadian hakisan adalah termasuk dalam perancangan tersebut.

(b) Bagi mengelak berlakunya limpahan air laut memasuki taman-taman perumahan di tepi pantai apabila berlakunya air pasang besar yang boleh mengakibatkan banjir di kawasan berkenaan, Kementerian memang telah mengambilkira faktor ini dalam perancangan dan pelaksanaan setiap projek berkaitan. Dalam hal ini, Kementerian telah menjalankan kajian untuk menentukan tahap kenaikan paras air laut bagi beberapa kawasan tertentu dan akan meneruskan dengan kajian yang serupa di seluruh negara. Berdasarkan kepada hasil kajian ini, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melaksanakan projek bagi mengelak kejadian limpahan air laut masuk ke kawasan-kawasan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 52

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI [TITIWANGSA]**

TARIKH : **KHAMIS, 19 MAC 2009**

RUJUKAN : **19**

SOALAN :

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sejauh mana kebenaran dan status cadangan Kementerian untuk mendirikan PPR di kawasan Indian Settlement, Kampung Pandan bagi memelihara warisan sejarah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, terdapat sejumlah 250 keluarga setinggan di Kampung Pandan Indian Settlement. Kementerian Wilayah Persekutuan yang diketuai sendiri oleh Yang Berhormat Datuk M Saravanan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan bersama-sama pegawai-pegawai DBKL pada 15 Januari 2009 telah mengadakan perjumpaan dengan penduduk Kampung Pandan Indian Settlement. Beberapa perkara yang telah dimaklumkan kepada penduduk adalah seperti berikut :

i. Tapak setinggan Kampung Pandan Indian Settlement **dicadang dibangunkan untuk projek PPR** melalui peruntukan yang akan dipohon daripada Kerajaan;

ii. Penduduk setinggan Kampung Pandan Indian Settlement **dikehendaki berpindah untuk sementara ke PPR Muhibbah selewat-lewatnya pada Mac 2009**. Penduduk setinggan ini akan kembali semula ke Kampung Pandan Indian Settlement iaitu melalui tawaran untuk menyewa PPR yang akan dibina di tapak berkenaan; dan

iii. **DBKL akan mengeluarkan Surat Jaminan Berpindah Semula ke tempat asal** kepada penduduk setinggan terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DBKL akan mengeluarkan Surat Tawaran Semula berpindah ke PPR Muhibbah dan Surat Jaminan Berpindah Semula ke PPR yang akan dibina di tapak Kampung Pandan Indian Settlement apabila projek tersebut siap sepenuhnya.

DBKL juga telah mengatur program **cabutan undi untuk unit PPR Muhibbah pada 10 Mac 2009. Tarikh kuat kuasa kemasukan ke PPR bermula pada 15 Mac 2009.**

DBKL amat berharap penduduk setinggan Kampung Pandan Indian Settlement bekerjasama untuk menerima tawaran berpindah ke PPR Muhibbah dan seterusnya mengosongkan tapak Kampung Pandan Indian Settlement.

DBKL sedia maklum penduduk Kampung Pandan Indian Settlement pernah mengemukakan permohonan rayuan untuk berpindah ke PPR Sri Alam. Pada masa ini sejumlah 920 unit kediaman di PPR Sri Alam Fasa 2 masih dalam pembinaan dan dijangka akan diserahkan kepada DBKL pada April 2009 oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, DBKL telahpun memprogramkan pengisian PPR Sri Alam untuk penempatan setinggan-setinggan daripada kawasan yang lebih bersesuaian. Setinggan-setinggan yang akan kekal terus mendiami PPR berkenaan ialah dari:

1. Kampung Cheras Baru (107 keluarga);
2. Kampung Kerayong, Cheras (77 keluarga);
3. Kampung Kerayong, Titiwangsa (214 keluarga);
4. Kampung Bukit Tangki Air/Semerah Padi (146 keluarga);
5. Jalan Jubilee (51 keluarga);
6. Kampung Sri Indah (150 keluarga); dan
7. Sekitar Chan Sow Lin (95 keluarga).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemindahan setinggan dari Kampung Pandan Indian Settlement ke PPR Muhibbah ini merupakan **perpindahan sementara sahaja. Mereka akan dipindahkan semula ke Kampung Pandan Indian Settlement setelah PPR di kawasan asal mereka itu siap dibina.**

Tuan Yang di-Pertua,

DBKL juga sedia maklum bahawa proses perpindahan ke penempatan baru tentu sekali akan menimbulkan sedikit cabaran kepada penduduk terbabit dalam menjalani kehidupan harian pada peringkat awal. Tetapi DBKL berkeyakinan bahawa penduduk akan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan apabila tiba masanya.

Perpindahan ke PPR yang telah ditetapkan ini adalah selaras dengan **Dasar Sifar Setinggan 2009** dan bertujuan untuk memberi kehidupan yang lebih sempurna kepada penduduk warga kota terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah.

Oleh yang demikian, Kementerian Wilayah Persekutuan akan terus berusaha untuk membina lebih banyak rumah PPR di Kuala Lumpur bagi membantu golongan berpendapatan rendah termasuk rakyat miskin memiliki rumah dengan kemudahan perumahan yang mencukupi, selesa dan sempurna, pada masa akan datang. Pada masa ini, **tiga tapak telah dikenal pasti untuk tujuan pembinaan PPR iaitu di Kampung Pandan Indian Settlement, Kampung Wira Jaya di**

Wangsa Maju dan Kampung Benteng/Sungai Udang di Segambut. Kertas cadangan pembinaan PPR ini sedang disediakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk dikemukakan bagi mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

SOALAN NO.: 53

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai cadangan untuk mewujudkan sebuah badan agensi atau institut kebangsaan yang khusus dalam pengurusan banjir di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan setakat ini tidak bercadang lagi untuk mewujudkan sebuah badan agensi atau institut kebangsaan yang khusus dalam pengurusan banjir di Malaysia. Ini adalah kerana peranan dan fungsi tersebut telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 47 54

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 19.03.2009

SOALAN : **PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

a) Sama ada peneroka FELDA yang telah memperoleh geran dan mengusahakan sendiri ladang mereka, dibenarkan membeli dan menjual hasil buah sawit bagi satu-satu kawasan FELDA; dan;

b) Sama ada benar bayaran penjualan buah sawit oleh peneroka kepada kilang FELDA dipotong sebanyak 20 – 40 % setiap bulan dan apakah alasannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peneroka yang mengusahakan kebun secara persendirian dibenarkan menjual hasil ke kilang FELDA. Lesen menjual dan membeli hasil hanya diberi kepada Pengurus Rancangan sahaja. Pada masa ini semua kebun di FELDA menggunapakai dasar yang telah dipersetujui oleh MPOB iaitu satu premis satu lesen menjual dan mengalih buah kelapa sawit (MPOB). Semua peneroka yang belum dan sudah mendapat hak milik adalah tertakluk kepada peraturan ini.

Bagi peneroka yang menguruskan kebun secara persendirian, mereka perlu mempunyai paysheet bagi tujuan menghantar hasil ke kilang FELDA. FELDA telah mewujudkan semua paysheet di setiap rancangan dan tidak timbul sebarang masalah untuk menghantar hasil ke kilang FELDA. Yang menjadi masalah ialah peneroka yang mengambil alih kebun dan kemudian menghantar hasil ke kilang luar atau kilang swasta.

Walaupun pengambilalihan ini berlaku, peneroka tetap diberi peluang menghantar hasil ke kilang FELDA dengan diberi kemudahan diwujudkan paysheet persendirian. Mereka boleh memohon paysheet persendirian ini melalui pejabat rancangan. Pewujudan paysheet ini akan membolehkan potongan dibuat ke atas pendapatan peneroka untuk kos operasi dan pinjaman.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini peneroka dibayar pendahuluan hasil sebanyak 60 hingga 80 peratus bagi penghantaran jualan buah tandan segar (BTS) ke kilang. Pendahuluan ini lazimnya dibayar di antara tiga (3) atau empat (4) kali sebulan bergantung penghasilan BTS ke kilang FELDA. Tujuan bayaran pendahuluan ini adalah untuk memberi pendapatan kepada peneroka sehinggalah penyata sebenar dikeluarkan pada minggu pertama bulan berikutnya. Bayaran pendahuluan ini juga bagi menjelaskan tanggungjawab peneroka membayar balik jumlah tertentu meliputi antaranya kos operasi kebun, baja, upah buruh, pengangkutan hasil, pembiayaan jalan pertanian, insuran ladang dan caruman tanam semula. Selain itu peneroka juga perlu membayar hutang persendirian seperti pinjaman pembesaran perumahan,

pinjaman perniagaan, pinjaman komputer dan sumbangan kepada aktiviti kemasyarakatan.

Peneroka yang tidak mempunyai hutang bayaran sara hidup turut menerima pendahuluan yang lebih tinggi iaitu antara 70 hingga 80 peratus. Potongan yang dibuat juga bagi menampung menampung kos pengeluaran seperti pengangkutan, jalan pertanian, insuran ladang dan caruman tanam semula. Baki bayaran 20 atau 30 peratus akan diselaraskan setiap minggu pertama bulan berikutnya dan penyata pendapatan akan dikeluarkan oleh rancangan.

Kerajaan menyedari harga komoditi yang tidak stabil dan ini boleh menjejaskan pendapatan peneroka. Sekiranya pendapatan kasar peneroka di bawah paras RM1000.00 atau kurang peneroka akan dibayar jumah sebenar hasil kebun mereka. Hutang persendirian peneroka tidak akan dibuat sebagai potongan. Langkah ini adalah untuk membantu dan mengurangkan bebanan peneroka ketika harga komoditi jatuh.

----------xxx----------

No. Soalan : ~~91~~ 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN SALLEH BIN KALBI**

TARIKH : **19 MAC 2009**

TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah kerangka strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah kurangnya usahawan Bumiputera di tempat-tempat yang dikaitkan dengan perniagaan lima bintang ataupun tempat menjadi pusat tumpuan pelancong misalnya di kawasan Bukit Bintang, dalam usaha untuk memberi peluang kepada usahawan Bumiputera untuk berniaga di bandar-bandar besar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) telah merangka strategi untuk mengatasi masalah kekurangan usahawan Bumiputera menjalankan perniagaan terutamanya di tempat-tempat yang dikaitkan dengan perniagaan lima bintang mahupun tempat tumpuan pelancong.

Kementerian telah mengatur strategi bukan sahaja menyediakan kemudahan premis perniagaan dan pembiayaan di seluruh pelusuk negara, malah telah mengatur rangka strategi baharu bagi memastikan usahawan Bumiputera berniaga di lokasi bertaraf lima bintang dan pusat-pusat tumpuan pelancong.

Kerangka strategi ini adalah selaras dengan arus perdana pembangunan usahawan yang kini telah memasuki fasa kedua dalam usaha untuk meningkatkan daya saing dan skala perniagaan yang lebih besar. Dalam kerangka strategi tersebut, MeCD melalui

MARA dan UDA telah membina premis-premis *high-end* dan pusat-pusat membeli-belah di bandar-bandar utama eperti *Retail Bridge,* Kompleks Jalan Gurney dan Kompleks Centrum Setiawangsa di Kuala Lumpur, Anggerik Mall dan Klang Sentral di Selangor, Kota Fesyen MITC di Melaka, D'Piazza Mall di Pulau Pinang, Plaza Angsana, Pandan City dan Pekan Francais di Johor.

MARA dan UDA juga melantik Syarikat Pengurusan premis-premis perniagaan yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti promosi bagi menambah daya tarikan pengunjung, menilai prestasi perniagaan usahawan secara bulanan dan mengatur langkah-langkah bagi menghadapi persaingan. Langkah ini dilihat mampu mengubah status quo prestasi perniagaan usahawan Bumiputera supaya lebih berdaya saing.

Bagi memastikan usahawan Bumiputera berniaga di pusat-pusat perniagaan lima bintang, MeCD telah merangka Program *Groom Big* bagi peningkatan kualiti produk di mana sebanyak 7,000 produk telah berjaya dibangunkan melalui penambahbaikan dan jaminan kualiti, reka bentuk pembungkusan yang inovatif dan penjenamaan produk. Program ini dijalankan dengan kerjasama

SIRIM, MARDI dan FRIM yang sedang memantapkan sebanyak 1,200 produk *Groom Big* supaya produk-produk tersebut dapat ditempatkan di pusat-pusat perniagaan lima bintang.

Satu lagi langkah strategi MeCD adalah dengan memberi penumpuan kepada golongan siswazah supaya terlibat di dalam industri baharu yang strategik. MeCD telah membangunkan program khusus untuk siswazah seperti Program Francais Siswazah yang bertujuan untuk melahirkan usahawan-usahawan Bumiputera dari kalangan siswazah yang berkaliber dan seterusnya dapat menempatkan diri menjalankan perniagaan di pusat-pusat perniagaan lima bintang.

Dalam melaksanakan semua itu, MeCD telah memudahkan pembiayaan perniagaan dengan menyediakan pelbagai skim pembiayaan melalui agensi-agensi seperti TEKUN Nasional, MARA, SKM, Bank Rakyat, SME Bank dan PNS. Skim-skim pembiayaan yang ditawarkan adalah meliputi semua skala perniagaan di semua sektor industri perniagaan. Di antara langkah-langkah untuk mempercepatkan dan memudahkan pembiayaan ialah :

a) Menyeragamkan penggunaan borang permohonan pembiayaan untuk memudahkan urusan permohonan pembiayaan oleh usahawan.

b) Meluluskan pembiayaan secara bertindih dan berulang kepada usahawan yang berjaya dan menunjukkan prestasi yang berdaya maju dalam bidang perniagaan.

c) Jawatankuasa Rayuan dan Pemudah Biaya boleh mempertimbangkan kes-kes rayuan pembiayaan yang dikemukakan oleh usahawan setelah permohonan pembiayaan mereka ditolak.

d) Meluluskan pembiayaan secara berpekej dimana setiap usahawan layak mendapat pembiayaan selepas menghadiri kursus keusahawanan anjuran Kementerian dan Agensi Pembiaya MECD.

e) Permohonan pembiayaan perniagaan diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan dan dibuat pembayaran dalam tempoh 30 hari bekerja.

SOALAN NO: 56

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA (PADANG TERAP)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**19.03.2009**

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) bilangan pengendalian takaful di Malaysia dan nilai caruman peserta takaful berbanding yang mencarum di dalam polisi Insurans konvensional sejak tahun 2000-2008; dan

(b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk mensyaratkan agen takaful dan polisi insurans biasa untuk mempromosikan hanya salah satu produk sahaja pada satu-satu masa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga akhir Februari 2009, sebanyak 11 pengendali takaful telah diberikan lesen di bawah Akta Takaful 1984 untuk beroperasi di Malaysia untuk menjalankan

perniagaan takaful dan takaful semula. Daripada jumlah tersebut, 9 merupakan syarikat tempatan dan 2 adalah kepunyaan syarikat asing. Kesemua pengendali takaful berkenaan menjalankan perniagaan takaful keluarga/hayat dan takaful am. Sejak tahun 2000, nilai caruman peserta takaful adalah sebanyak RM991 juta atau 7% daripada jumlah RM13.95 bilion bagi pendapatan caruman insurans konvensional. Nilai caruman peserta takaful telah menunjukkan peningkatan yang baik dan setakat 2008, industri takaful dianggarkan menyumbang lebih kurang 11% daripada jumlah keseluruhan industri ini dengan jumlah caruman bersih/sumbangan sebanyak RM3.03 bilion berbanding RM27.4 bilion daripada pendapatan premium insurans konvensional.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, peraturan berkaitan promosi produk oleh ejen insurans dan takaful adalah ditentukan oleh persatuan-persatuan insurans dan takaful yang mendaftarkan ejen-ejen berkenaan, iaitu Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) bagi ejen insurans hayat, Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) bagi ejen insurans am dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA) bagi ejen takaful. Bagi memastikan akauntabiliti dan kualiti perkhidmatan ejen adalah memuaskan, persatuan-persatuan insurans menghadkan jumlah syarikat insurans yang boleh diwakili oleh setiap ejen. Bagi sektor takaful pula, tatacara pemasaran atau penjualan produk-produk takaful adalah di bawah pengawasan Persatuan Takaful Malaysia yang memastikan penjualan produk takaful tidak melanggar etika yang ditetapkan.

4. Bagi ejen insurans hayat, LIAM telah menetapkan bahawa setiap ejen hanya boleh mempromosikan produk insurans hayat konvensional dari satu syarikat insurans sahaja. Bagi ejen takaful keluarga, MTA juga telah menetapkan bahawa setiap ejen hanya boleh mempromosikan produk takaful keluarga dari satu pengendali takaful sahaja. Di samping itu, MTA melarang ejen takaful keluarga daripada mewakili lebih daripada satu pengendali takaful atau syarikat insurans lain.

5. Bagi ejen insurans am, peraturan oleh PIAM hanya membenarkan setiap ejen untuk mempromosikan produk insurans am konvensional dari dua syarikat insurans, manakala MTA hanya membenarkan ejen takaful am mempromosikan produk takaful am dari dua pengendali takaful. Sekiranya terdapat mana-mana ejen yang melanggar peraturan tentang promosi produk-produk insurans dan takaful, aduan boleh diajukan terus kepada LIAM, MTA atau PIAM.

NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN 57

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB Dato' Dr. Mohamad Shahrum Bin Osman (Lipis)

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN : **YB Dato' Dr. Mohamad Shahrum Bin Osman [Lipis]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana peranan yang diambil Malaysia terutama dalam usaha menyalurkan bantuan kepada mangsa serangan rejim Zionis di Semenanjung Gaza yang meragut lebih 1,200 nyawa dan lebih 5,000 orang cedera.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh tujuh orang Ahli Parlimen ini iaitu, YB Lenggong pada 23 Februari 2009, YB Pasir Puteh pada 5 Mac 2009, YB Pontian pada 10 Mac 2009, YB Batu Pahat pada 16 Mac 2009, YB Arau dan YB Lipis pada 19 Mac 2009 dan pertanyaan bukan jawab lisan oleh YB Tanah Merah, memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh perkara yang sama, iaitu berhubung sumbangan Kerajaan dan rakyat Malaysia kepada penduduk Gaza yang menderita akibat serangan Israel.

2. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan telah mengaktifkan kembali Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin. Sumbangan-sumbangan yang disalurkan oleh orang awam ke Tabung ini di selia oleh Jawatankuasa Akuan Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri. Jawatankuasa ini akan memutuskan mengenai tatacara, mekanisme adan bentuk sumbangan yang akan disalurkan kepada rakyat Palestin. Bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat Palestin dikategorikan kepada beberapa fasa iaitu fasa semasa serangan, selepas serangan dan fasa pembangunan dan pembinaan semula Gaza

2. Sumbangan-sumbangan yang disalurkan melalui Kementerian Luar Negeri ditadbir oleh Jawatankuasa Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri. Jawatankuasa ini akan menyalurkan semua sumbangan yang diterima kepada badan-badan yang akan dipertanggungjawabkan untuk menguruskan bantuan yang bersesuaian bergantung kepada keperluan yang dikenal pasti di Gaza.

3. Setakat 20 Februari 2009, jumlah dana yang diterima dan terkumpul di dalam Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin di Kementerian Luar adalah berjumlah RM11,466,251.89. Di samping itu, Kerajaan telah menyumbangkan US$ 1 juta melalui MERCY Malaysia ketika permulaan serangan Israel ke atas Gaza. Bagi tabung-tabung lain yang diusulkan oleh badan-badan bukan Kerajaan, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak memiliki peruntukan undang-undang khas untuk mengawal selia perjalanan tabung-tabung berkenaan. Sehubungan itu, pemantauannya adalah terpulang kepada rang ramai yang menderma kepada tabung-tabung berkenaan. Sekiranya berlaku penyelewengan, orang ramai perlulah melaporkan perkara tersebut dan pihak berkuasa pasti akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

4. Berhubung soalan YB Lenggong, pasukan-pasukan bantuan bencana dan kemanusiaan yang telah pergi ke Gaza adalah terdiri daripada ahli-ahli pertubuhan bukan Kerajaan. Saya percaya mereka turut membawa imej Malaysia di persada bantuan kemanusiaan antarabangsa. Kerajaan juga menjalinkan kerjasama dengan NGO-NGO yang telah dan akan pergi ke Gaza bagi memastikan sumbangan-sumbangan yang akan diberi akan sampai kepada – dan dimanfaati oleh rakyat Palestin di Gaza.

5. Untuk pengetahuan YB Pontian, tajaan pembelajaran bagi pelajar-pelajar Palestin termasuk dalam peringkat bagi membantu pembangunan dan pembinaan semula Gaza dan akan diperhalusi apabila keadaan mengizinkan dan kembali tenang. Ianya juga terdapat dalam program besar 'New Asia-Africa Strategic Partnership' yang dikendalikan oleh Indonesia dan Afrika Selatan. Malaysia bersama-sama semua negara Asia dan Afrika turut mengeluarkan bantuan secara langsung kepada Palestin dan ni disalurkan di bawah program Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin.

6. Untuk makluman YB Batu Pahat, ekoran sidang khas Parlimen mengenai isu serangan Israel di Gaza pada 12 Januari 2009 lalu, Kerajaan telah menghantar resolusi tersebut ke negara-negara yang mempunyai Badan Perundangan. Selain itu, Kerajaan juga telah mengusahakan bagaimana Israel boleh dibawa ke Tribunal Jenayah Antarabangsa untuk dibicarakan.

7. Untuk pengetahuan YB Tanah Merah, kos-kos yang melibatkan pengurusan untuk penyaluran bantuan tersebut adalah minimum, jika ada, kerana kebanyakan kos adalah ditanggung oleh Kerajaan juga.

No. Soalan : 58

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN (PENGKALAN CHEPA)
TARIKH	:	19 MAC 2009 (Khamis)
SOALAN	:	

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Sistem Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan diganti dengan satu sistem yang praktikal. Jika tidak, terangkan sebab-sebabnya.

JAWAPAN: YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) sebaliknya memutuskan untuk meneruskan PTK memandangkan mekanisme ini masih kekal relevan dalam menentukan kompetensi anggota perkhidmatan awam.

PTK berperanan sebagai faktor penggerak peningkatan pembelajaran berterusan pegawai dari sesuatu gred jawatan ke gred yang lebih tinggi. PTK mendorong pegawai berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai standard yang tinggi di setiap tahap kecekapan. Peningkatan pengetahuan dan kemahiran membolehkan pegawai menguasai skop bidang tugas dan seterusnya melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih kompeten dan profesional.

Kaedah-kaedah penilaian yang digunakan dalam PTK dibangunkan oleh panel yang dianggotai oleh pakar yang mahir dalam bidang perkhidmatan masing-masing dengan mengambil kira kesesuaian tugas jawatan dan bidang perkhidmatan berkaitan.

Sehubungan dengan ini, Jabatan Perkhidmatan Awam telah membuat penambahbaikan terhadap kaedah penilaian dan aspek pengurusan PTK melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 yang dikeluarkan pada 5 Disember 2008.

SOALAN NO. (59)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD. NASIR BIN IBRAHIM FIKRI (KUALA NERUS)

TARIKH : 19 MAC 2009 (KHAMIS)

SOALAN :

Y.B. DATO' MOHD. NASIR BIN IBRAHIM FIKRI (KUALA NERUS) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kebanjiran rumah burung walit tengah bandar dan kampung telah menyebabkan pencemaran, terutamanya pencemaran bunyi dan juga perniagaan yang terganggu. Apakah tindakan Kerajaan dalam menangani masalah ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2005 telah mengeluarkan Garis Panduan Permohonan Lesen Premis Perusahaan Sarang Burung Walit kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi menetapkan syarat-syarat dan langkah-langkah yang perlu di ambil oleh pengusaha sebelum sesebuah premis boleh diluluskan untuk perusahaan sarang burung walit.

Antara syarat-syarat dan peraturan penting yang perlu dipatuhi oleh setiap pengusaha premis sarang burung walit ialah bangunan kedai berstatus komersial dan bukan tempat kediaman, kaedah pemasangan pembesar suara yang betul untuk mengurangkan kesan bunyi bising yang keterlaluan, kaedah penjagaan kebersihan bangunan berpunca dari masalah najis dan kaedah kawalan kesihatan dan penyakit

berpunca dari bau busuk dan pembiakan nyamuk/lalat serangga.

Untuk makluman lanjut Ahli Yang Berhormat, KPKT sedang menyediakan Garis panduan baru bagi mengemaskinikan Garis panduan sedia ada supaya isu-isu yang sering dibangkitkan oleh orang ramai dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2009

NO. SOALAN : 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci, nama-nama NGO dan lain-lain yang mendapat jumlah RM1,367,169.00 yang diberikan kepada bekas Ahli Parlimen Seremban untuk Penggal Ke-11 dan bagaimana jumlah wang tersebut digunakan oleh mereka.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang DiPertua,

NGO yang mendapat Peruntukan Khas Ahli Parlimen Seremban Tahun 2004-2007 yang berjumlah RM1,367,169 antara lain adalah seperti berikut :

a. Persatuan-Persatuan Kebajikan;

b. Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) sekolah;
c. Ahli Jawatankuasa surau/masjid;
d. Kelab Belia;
e. Persatuan Peniaga; dan
f. Badan Keagamaan.

Peruntukan tersebut disalurkan kepada NGO berkenaan melalui cek berpalang dan digunakan bagi membiayai aktiviti atau program sebagaimana yang dipohon atau dibayar kepada pembekal yang membekal barangan atau perkhidmatan aktiviti atau program berkenaan.

SOALAN NO: 61

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED (SEKIJANG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**19.03.2009**

Datuk Haji Baharum bin Mohamed (Sekijang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapakah ada syarikat yang berkaitan dengan Kerajaan (GLC) dibenarkan untuk bersaing bagi mendapatkan tender dengan Syarikat Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) masih merupakan pembekal utama negara bagi kemudahan awam strategik dan juga perkhidmatan. Dengan ini, syarikat GLC pada amnya, turut memainkan peranan untuk menyokong agenda pembangunan negara termasuk membangunkan keupayaan pengusaha dan pembekal kecil Bumiputera melalui Program Pembangunan Vendor Bumiputera. Syarikat GLC juga turut diarahkan untuk tidak bersaing atau menyempitkan peluang (*crowd-out*) usahawan-usahawan

Bumiputera yang benar-benar berkemampuan dalam usahanya untuk membangunkan golongan tersebut.

2. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan lebih selektif ke atas penyertaan syarikat GLC dalam tender-tender Kerajaan bagi memastikan peluang penyertaan syarikat Bumiputera tidak terjejas. Bagaimanapun, syarikat GLC akan dibenarkan menyertai tender Kerajaan sekiranya tidak terdapat syarikat Bumiputera yang berkemampuan di bidang berkaitan.

No. Soalan : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON (IPOH BARAT)**
TARIKH	:	**19 MAC 2009 (Khamis)**
SOALAN	:	

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) apakan rasional dalam pemberian pencen kepada kakitangan Kerajaan yang dijatuhkan hukuman; dan

(b) sila senaraikan nama pesara-pesara yang telah mendapat pencen ini dan jumlah ganjaran yang diterima.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi seseorang pesara yang telah mula menerima pencen dan kemudiannya dipenjarakan, pembayaran pencen beliau dihentikan tetapi

undang-undang pencen membolehkan pemberian elaun tanggungan setiap bulan menggantikan pencen. Jumlahnya tidak lebih daripada pencen asal beliau. Elaun ini juga tiada unsur penyelarasan atau peningkatan.

Elaun tanggungan ini diberi bagi mengenang jasa dan perkhidmatan pesara, iaitu sebelum beliau melakukan jenayah yang mengakibatkan pemberhentian bayaran pencen.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 12 Mac 2009, terdapat 156 orang penerima elaun tanggungan dan jumlah perbelanjaan elaun tanggungan tersebut ialah sebanyak RM153,627.15 sebulan.

SOALAN NO: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DATO' DR. JAMES DAWOS MAMIT

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.03.2009

Dato' Dr. James Dawos Mamit (Mambong) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang yang dihantar balik oleh pekerja-pekerja asing ke negara-negara mereka masing-masing pada tahun 2006, 2007 dan 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kiriman wang oleh pekerja asing bagi tahun 2006 dan 2007 masing-masing adalah sebanyak RM17.2 billion dan RM18 billion juta. Perangkaan terkini bagi jumlah wang yang dihantar balik sehingga September 2008, iaitu sebanyak RM13.9 billion atau secara puratanya setiap pekerja asing menghantar pulang sebanyak RM700 sebulan. Pengaliran wang negara oleh pekerja asing ini mewakili 2.5% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Kerajaan akan sentiasa memantau aliran wang ke luar Negara melalui institusi kewangan yang menyediakan perkhidmatan pengiriman wang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB (BALING)**
TARIKH	:	**19. 03. 2009**
NO. SOALAN	:	**64**

TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB (BALING) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan dalam usaha memboikot barangan Amerika Syarikat/Israel, apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan ia turut disertai pengguna, peniaga dan pemborong..

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan berpandangan ia adalah menjadi hak individu untuk membuat pilihan samada membeli atau tidak membeli barangan keluaran Amerika Syarikat. Bagi pihak kerajaan Pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia oleh Kerajaan pada 16 Januari 2009 merupakan satu usaha yang tepat mengikut keadaan dan suasana ekonomi hari ini dan merupakan usaha Kerajaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia membeli barang-barang dan perkhidmatan buatan Malaysia dan secara tidak langsung akan merangsang ekonomi negara. Pembelian produk keluaran tempatan merupakan satu sokongan kepada penjanaan ekonomi negara dalam keadaan dunia dilanda krisis

ekonomi. Sebagai sebuah Kementerian yang menjaga Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, adalah menjadi satu tanggungjawab kepada Kementerian ini untuk sentiasa bertindak positif demi menjaga suasana dan iklim ekonomi dalam negara.

SOALAN NO : 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

Tarikh : **KHAMIS, 19 MAC 2009**

SOALAN

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan Fasa ke II pembinaan stesen pemancar Radio Keningau untuk membolehkan siaran dapat diterima di seluruh pedalaman merangkumi daerah Keningau, Tambunan, Tenom, Nabawan, Pensiangan dan Sook FM memandangkan ketika ini siaran hanya dapat diterima di kawasan Keningau sahaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Keningau atas soalan yang dikemukakan. Fasa Kedua perluasan siaran Radio Keningau untuk membolehkan siaran boleh diterima di pendalaman Sabah meliputi Tambunan, Tenom dan Ranau akan dilaksanakan pada akhir bulan Mac 2009, jika tiada gangguan cuaca.

SOALAN 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	***JAWAB LISAN***
DARIPADA	**:**	***Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PERMATANG PAUH)***
TARIKH	**:**	**19 MAC 2009**

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM (PERMATANG PAUH) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar kemiskinan terkini bagi negeri-negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar kemiskinan yang begitu tinggi di seluruh negara termasuk di Terengganu, Sabah dan Sarawak yang menikmati wang royalti minyak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar kemiskinan terkini berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2007 mengikut negeri-negeri di Malaysia ialah seperti berikut:

Johor	1.5 peratus;
Kedah	3.1 peratus;
Kelantan	7.2 peratus;
Melaka	1.8 peratus;
Negeri Sembilan	1.3 peratus;
Pahang	1.7 peratus;
Pulau Pinang	1.4 peratus;
Perak	3.4 peratus;
Perlis	7.0 peratus;
Selangor	0.7 peratus;
Terengganu	6.5 peratus;
Sabah	16.0 peratus; dan
Sarawak	4.2 peratus.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelbagai usaha sedang diambil oleh Kerajaan dalam mengurangkan kadar kemiskinan terutamanya di negeri-negeri yang mempunyai isi rumah miskin yang ramai seperti di Sabah, Kelantan dan Terengganu. Ini termasuk melalui inisiatif pembangunan koridor yang akan membawa pembangunan ke negeri-negeri berkenaan bagi meningkatkan aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan kepada rakyat. Di samping itu, program bantuan secara langsung kepada golongan miskin dan miskin tegar juga terus dilaksanakan meliputi program peningkatan pendapatan, bantuan rumah, pembangunan modal insan, pembangunan masyarakat setempat, kecemerlangan pendidikan dan latihan dan kemahiran kerjaya.

SOALAN NO : 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR (JERLUN)**
TARIKH	:	**19 MAC 2009**
SOALAN	:	

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan sudah membuat kajian farmako-ekonomik untuk memahami perimbangan kos yang ditanggung Kerajaan dan masyarakat apabila seorang warganegara mengidap penyakit seperti diabetes berbandingkan dengan kos berkaitan sekiranya pesakit dikenalpasti dengan lebih awal dan diberikan rawatan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai kajian farmako-ekonomik di luar negara telah menunjukkan beban kos rawatan adalah lebih tinggi bagi merawat pesakit diabetes yang sudah mengalami komplikasi akibat lewat didiagnosa, berbanding dengan beban kos rawatan bagi pesakit yang didiagnosa awal dan menerima rawatan optimum. Pesakit diabetes yang mengalami komplikasi seperti serangan jantung, strok dan kegagalan

buah pinggang yang memerlukan rawatan pakar, kemasukan ke hospital dan unit rawatan intensif, rawatan dialisis seumur hidup dan penggunaan kombinasi ubat-ubat secara berterusan. Kesemua rawatan ini melibatkan kos yang tinggi. Beberapa kajian ekonomi berkaitan diabetes yang telah dijalankan di Malaysia menyokong kenyataan ini.

Prevention is better than cure. Kementerian Kesihatan menganggarkan kira-kira 650,000 pesakit diabetes telah mendapatkan rawatan di klinik kesihatan Kementerian Kesihatan pada tahun 2007. Manakala 47,500 kemasukan ke hospital Kementerian Kesihatan pada tahun 2007 adalah untuk *ischaemic heart disease* dan strok, majoritinya adalah komplikasi akibat diabetes. Menyedari hakikat bahawa bilangan ini akan terus meningkat berdasarkan survei-survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan, Kementerian Kesihatan sedang dalam proses menyiapkan Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit, dengan menggunakan penyakit diabetes sebagai *entrypoint*, untuk mengukuhkan lagi pencegahan penyakit diabetes di Malaysia.

Pelan Strategik Kebangsaan ini adalah selaras dengan resolusi-resolusi Pertubuhan Kesihatan Sedunia, dan penting untuk mengukuh dan mengkoordinasikan pelbagai program yang sedia ada, disamping melibatkan semua Kementerian, agensi dan sektor swasta dan usaha untuk menangani wabak diabetes yang sedang melanda negara.

SOALAN NO: ~~12~~ 68

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN JAWAB LISAN

TARIKH: 19.03.2009

SOALAN : **DATO' LILAH BIN YASIN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bolehkah FELDA menyediakan Skim Perumahan bagi anak-anak peneroka yang tidak perlu berpindah kerana sumber pendapatannya ada di situ.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA membantu generasi peneroka yang tinggal di tanah rancangan untuk pemilikan harta melalui pelaksanaan Projek Perumahan Warga FELDA (PWF).

Projek ini didirikan di kawasan tanah kosong yang dikenal pasti boleh dimajukan sebagai penempatan baru untuk generasi FELDA di mana ia didirikan di sekitar kawasan tanah rancangan. Pembinaan rumah ini dapat membantu pertumbuhan ekonomi di tanah rancangan di samping membantu usaha Kerajaan mempercepatkan pembangunan rumah di kawasan luar bandar.

Pembinaan rumah PWF adalah tertakluk tanah kosong yang sesuai dan mengikut kebiasaannya seluas 20 ekar diperlukan untuk membina unit rumah. Bagi mereka yang tidak mendapat pembiayaan bank, FELDA turut menyediakan peluang kepada generasi FELDA menerusi skim sewa-beli. Melalui skim ini, generasi FELDA membayar sewa bulanan yang minimum tanpa dikenakan faedah. Apabila cukup tempoh masa, penyewa akan memiliki rumah tersebut.

Pihak Kerajaan dari semasa ke semasa akan mengkaji kesesuaian kawasan-kawasan kosong di rancangan untuk dijadikan projek perumahan. Ini adalah untuk memastikan pembangunan rancangan sentiasa teratur dan bersesuaian dengan pelan tatatur perkampungan. Bagi rancangan di Negeri Sembilan, Kerajaan akan

membina projek perumahan di Feldajaya Raja Alias, Daerah Jempol. Sebanyak 300 unit rumah akan dibina untuk generasi FELDA bagi rancangan yang berhampiran.

----------XXX----------

UMI KALTHOM YA'ACOB

Pegawai Tadbir

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Perhubungan

Tel : 03-2693 5066 ext :215 atau 013-3801628

Faks : 03-2693 5225

NO SOALAN: ~~64~~ 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **Perdana Menteri** menyatakan memandangkan prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mengenai pembelian 12 Unit EC-725 telah mendatangkan kesan positif dalam menjelaskan proses pembelian aset pertahanan kepada rakyat umum. Oleh itu adakah Kerajaan bercadang supaya menetapkan pembelian yang lebih dari RM 100 juta didengar oleh Jawatankuasa tertentu atau PAC atau Panel Penilaian Bebas supaya meningkatkan lagi ketulusan, akauntabiliti dan imej Kerajaan.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Izinkan saya menjelaskan bahawa semua pembelian yang dibuat oleh Kementerian Pertahanan dijalankan mengikut tatacara pelaksanaan kontrak perolehan pertahanan Negara oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Ini melibatkan pelbagai peringkat kelulusan termasuk jawatankuasa teknikal dan jawatankuasa rundingan harga, setelah penilaian yang teliti dibuat demi memastikan perolehan tersebut menepati keperluan Angkatan Tentera Malaysia. Rujukan juga dibuat kepada pihak Pejabat Peguam Negara bagi mendapatkan kelulusan ke atas klausa-klausa kontrak tersebut. Bagi rundingan terus, semua terma-terma dan kelulusan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan dan kontrak hanya akan ditandatangani selepas kelulusan Kementerian Kewangan diperolehi.

Sehubungan itu, Kerajaan tidak berhasrat untuk membabitkan mana-mana jawatankuasa lain kerana setiap pembelian dijalankan mengikut tatacara pelaksanaan kontrak perolehan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIM WEE
[PETALING JAYA]

TARIKH : 19 MAC 2009

SOALAN :

MINTA **MENTERI KERJA RAYA** MENYATAKAN LANGKAH-LANGKAH YANG AKAN DIAMBIL OLEH PIHAK KERAJAAN UNTUK MEMBETULKAN SEGALA "BOTTLENECK" SEGI KELEMAHAN REKABENTUK CIQ JOHOR BAHRU YANG BARU KERANA PEMBUKAAN CIQ INI TELAH PUN MENYULITKAN PENGGUNA-PENGGUNA TAMBAK JOHOR BIARPUN PEMANDU KERETA, PENUMPANG BAS ATAUPUN PEJALAN KAKI.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KOMPLEKS KIK BARU YANG DINAMAKAN BANGUNAN SULTAN ISKANDAR ADALAH LEBIH BESAR DAN MEMPUNYAI FASILITI JAUH LEBIH BAIK BAGI PENGGUNA DAN PEGAWAI KERAJAAN YANG BERKERJA DI BANGUNAN TERSEBUT BERBANDING DENGAN FASILITI SEDIA ADA DI TAMBAK JOHOR SEPERTI BERIKUT :

	BSI
TAMBAK	
BOOTH IMIGRESEN KERETA	76
32	
BOOTH IMIGRESEN MOTORSIKAL	100
4	
KAUNTER IMIGRESEN PENUMPANG BAS	70
29	
BUS BAYS	48
10	

BERDASARKAN PERTAMBAHAN BILANGAN BOOTH PEMERIKSAAN, TEMPOH MENUNGGU UNTUK SEMUA PENGGUNA ADALAH LEBIH SINGKAT.

UNTUK MAKLUMAN YANG BERHORMAT JUGA, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR MULA BEROPERASI SEPENUHNYA PADA 16 DISEMBER 2008. SEBELUM ITU, OPERASI SIMULASI TELAH DIJALANKAN PADA 29 – 31 JULAI 2008 UNTUK IN-BOUND DAN PADA 10 – 11 NOVEMBER 2008 UNTUK OUT-BOUND MANAKALA OPERASI 'PASSING THROUGH' DIMANA PEMERIKSAAN IMIGRESEN DAN KASTAM MASIH DIJALANKAN DI TAMBAK JOHOR TELAH DIADAKAN PADA 2 DISEMBER 2008 HINGGA 15 DISEMBER 2008. SEWAKTU SIMULASI TERSEBUT, TIDAK ADA SEBARANG KESESAKAN BERLAKU DI LALUAN JANGKA PENDEK YANG TELAH DIBINA BERIKUTAN PENANGGUHAN DAN KEMUDIAN PEMBATALAN KONTRAK JAMBATAN INDAH.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, 'BOTTLENECK' YANG DIMAKSUDKAN OLEH AHLI YANG BERHORMAT MERUPAKAN ISU/MASALAH

YANG DIBANGKITKAN OLEH PENGGUNA BSI SEMASA BSI MULA BEROPERASI.

ISU YANG DIBANGKITKAN SEPERTI BERIKUT:

1. JARAK DARI BSI KE KOMPLEKS KIK WOODLANDS TERLALU JAUH (2.9 KM) BERBANDING DENGAN KOMPLEKS KIK TAMBAK KE KOMPLEKS KIK WOODLANDS (1.5 KM).

2. JARAK DARI JALAN TUN RAZAK KE BSI MELALUI JB SENTRAL TERLALU JAUH (501 METER).
3. KESESAKAN DI PEMERIKSAAN IMIGRESEN BOOTH KERETA, DEWAN PENUMPANG BAS DAN TEMPAT MENUNGGU BAS.

4. PAPAN TUNJUK ARAH TIDAK MENCUKUPI.

5. KESESAKAN BERLAKU DI LALUAN JANGKA PENDEK DAN JALAN LINGKARAN DALAM.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, 'BOTTLENECK' YANG BERLAKU BUKAN DISEBABKAN OLEH KELEMAHAN REKABENTUK DAN LANGKAH-LANGKAH BERIKUT TELAH DIAMBIL BAGI MEMBETULKAN KEADAAN.

1. PEJALAN KAKI SEBELUM PEMBUKAAN BSI BOLEH MEMILIH BERJALAN KAKI ATAU MENAIKI BAS DARI KOMPLEKS KIK TAMBAK KE KOMPLEKS KIK WOODLANDS TETAPI SEKARANG PEJALAN KAKI TIDAK DIBENARKAN ATAS SEBAB KESELAMATAN (SECURITY AND SAFETY). UNTUK MEMBOLEHKAN PERGERAKAN PENUMPANG BAS YANG SUDAH BERTAMBAH, SYARIKAT-SYARIKAT BAS TELAH MENAMBAH KEKERAPAN PERKHIDMATAN BAS.

2. JARAK DARI JALAN TUN RAZAK KE BSI JAUH, SEBENARNYA PENUMPANG BAS YANG MENAIKI BAS 170, 950 DAN CAUSEWAY LINK BOLEH MENYEMPURNAKAN PERJALANAN DARI JALAN TUN RAZAK DAN BSI DENGAN PERKHIDMATAN BAS. TETAPI BERDASARKAN PENELITIAN DAN

LAPORAN SYARIKAT BAS, PENUMPANG YANG BERULANG ALEK DARI JOHOR BAHRU KE SINGAPURA MEMILIH BERJALAN KAKI DARI BSI KE JALAN TUN RAZAK MELALUI JB SENTRAL.

WALAU BAGAIMANAPUN, SELEPAS PEMBUKAAN BSI, SYARIKAT BAS CAUSEWAY LINK DENGAN KERJASAMA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU TELAH MENGADAKAN PERKHIDMATAN BAS SHUTTLE ANTARA PUSAT BANDARAYA DAN BSI.

KESESAKAN BERLAKU PADA AWAL PEMBUKAAN BSI DISEBABKAN MASALAH BERIKUT:

I) SISTEM KOMPUTER PEMERIKSAAN IMIGRESEN

II) PEMANDU KERETA TIDAK MEMPUNYAI KAD TOUCH & GO. MESKIPUN NOTIS 'HANYA TOUCH & GO DIBENARKAN UNTUK BAYARAN TOL', TELAH DIPAMERKAN DUA BULAN SEBELUM BSI BEROPERASI

III) PENAMBAHAN PENUMPANG BAS SEBAB PERJALANAN KAKI TIDAK DIBENARKAN.

MASALAH-MASALAH TERSEBUT TELAH DAPAT DIATASI DENGAN MENGADAKAN VENDOR SISTEM KOMPUTER DI BSI, PENJUALAN KAD TOUCH & GO DI TAMBAK JOHOR DAN MENGADAKAN PENJUAL KAD TOUCH & GO DI BSI DAN SYARIKAT BAS MENAMBAH KEKERAPAN PERKHIDMATAN BAS.

4. PAPAN TUNJUK ARAH TELAH DITAMBAH.

5. KESESAKAN BERLAKU DI LALUAN JANGKA PENDEK KERANA KEPERLUAN PEMERIKSAAN IMIGRESEN. INI ADALAH NYATA SEMASA OPERASI 'PASSING THROUGH' DI MANA KESESAKAN DI LALUAN JANGKA PENDEK TIDAK BERLAKU SEBAB TIDAK ADA PEMERIKSAAN IMIGRESEN DIJALANKAN DI BSI. BAGAIMANA PUN, SELEPAS MASALAH SISTEM KOMPUTER DAN KAD TOUCH & GO DIATASI, KESESAKAN TELAH DIKURANGKAN.

KESESAKAN BERLAKU DI JALAN LINGKARAN DALAM TELAH DIKURANGKAN DENGAN MENYELARASKAN TEMPOH MASA HIJAU UNTUK LAMPU ISYARAT TRAFIK DAN MENGADAKAN POLIS TRAFIK PADA MASA KEMUNCAK.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, MASALAH KESESAKAN INI AKAN DIATASI APABILA MID TERM LINK DAN EASTERN DISPERSAL LINK DISIAPKAN. PADA MASA ITU AKAN ADA TIGA JALAN MASUK DAN TIGA JALAN KELUAR KE / DARI BSI BERBANDING DENGAN SATU JALAN MASUK DAN KELUAR YANG ADA SEKARANG.

No. Soalan : 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [SERDANG]

TARIKH : 19 MAC 2009 (Khamis)

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching (Serdang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk memenuhi komitmen Kerajaan untuk menyediakan 1% daripada jumlah jawatan kepada Orang Kurang Upaya dan dalam jangkaan Kementerian, bilakah komitmen tersebut boleh dicapai.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Disember 2008, jumlah golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam adalah sebanyak 581 orang iaitu 0.06 peratus daripada jumlah keseluruhan pengisian jawatan dalam perkhidmatan awam. Dari semasa ke semasa, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan

Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa melaksanakan usaha yang berterusan dalam mencapai sasaran 1 peratus golongan OKU dalam perkhidmatan awam. Antara Usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

(1) taklimat kepada 16 buah NGO dan semua SUK Negeri bagi menjelaskan pelaksanaan dasar tersebut oleh JPA;

(2) KPWKM dan JKM mengadakan *road show* ke seluruh negara bagi menjelaskan pelan tindakan yang telah dirancang kepada NGO dan Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk mencapai dasar satu peratus peluang pekerjaan kepada OKU dalam perkhidmatan awam;

(3) mengedarkan Borang Maklumat Pencari Kerja kepada OKU dan memberi penerangan mengenai prosedur yang berkaitan;

(4) mengadakan "National Employment Conference : Meeting The Challenges Of A Competitive Demanding Job Market" bagi OKU Cacat Penglihatan; dan

(5) menganjurkan Ekspo Pekerjaan OKU;

Menyedari akan komitmen untuk mencapai sasaran satu peratus OKU dalam perkhidmatan awam, Kerajaan telah merangka pelan strategik tahun 2009 supaya peratus golongan OKU dalam perkhidmatan awam terus meningkat. Antara usaha yang telah dirancang adalah seperti berikut:

(i) meningkatkan kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pihak Berkuasa Melantik dalam menentukan satu peratus OKU dalam perkhidmatan awam tercapai; dan

(ii) memberi latihan *Independent Living* dan *Disability Equality Training* kepada OKU.